Pelita BRUNEI
ڤليتا بروني
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

ڤتيقن تيته
**PETIKAN TITAH**

"PERKHIDMATAN Awam berperanan menanai tanggungjawab besar untuk masyarakat. Ia perlu mempunyai usaha atau inisiatif bagi kemanfaatan masyarakat secara langsung".
- Titah Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-26 bagi Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi.

مانيسڽ ايمان
**MANISNYA IMAN**

DARIPADA Abu Umamah al-Bahili bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya : "Sesungguhnya Allah 'Azzawajalla tidak akan menerima sesuatu amalan melainkan apa yang ikhlas kepada-Nya dan yang ditujukan hanya untuk-Nya".
- Hadis riwayat Imam an-Nasaei.

**Waktu Sembahyang**

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.39 | 4.49 | 6.07 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.10 | 7.19 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 121 | 7 OKTOBER 2020 / 19 صفر 1442 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

*"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# Kualiti iman, amanah dalam melaksanakan tugas



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Lawatan Tidak Berjadual baginda ke Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (*Lihat muka 2 hingga 5*).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin**

**BERAKAS**, Isnin, 5 Oktober. - Tenaga manusia yang berkualiti bukanlah setakat yang bernama kemahiran, bahkan yang lebih diperlukan ialah kualiti iman dan amanah dalam melaksanakan satu-satu tugas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian ketika berkenan berangkat mengadakan Lawatan Tidak Berjadual baginda ke Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), di sini.

**Ke muka 2**

# Pemalsuan jenayah keji, jejas keselamatan

**BERAKAS**, Isnin, 5 Oktober. - Memalsukan dokumen atau apa saja pemalsuan adalah perkara serius yang tidak boleh dipandang ringan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian ketika menyentuh mengenai tujuh nama yang dikenakan perintah tahanan baru-baru ini yang terlibat dalam sindiket memalsukan Kad Pengenalan Pintar, yang mana mereka merancang untuk menggunakan dan menjual kad-kad palsu itu dengan harga BND5,000 sekeping.

"Timbul persoalan di sini, bagaimanakah kad-kad palsu itu boleh dibuat atau dihasilkan jika bukan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**Ke muka 3**

**STATISTIK TERKINI COVID-19**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
Maklumat setakat 6 OKTOBER 2020, 12.00 tengah hari

| | |
|---|---|
| JUMLAH KES JANGKITAN | 146 |
| JUMLAH KEMATIAN | 3 |
| JUMLAH KES YANG SEMBUH | 143 |

**TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19**
**148**

**IKUTI KAMI DI**
APLIKASI MUDAH ALIH **InfoDeptBN**
Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

## Berita Utama



195 terima Sijil Taraf Kerakyatan NBD
**Muka 9**



LESTARIKAN budaya warisan bangsa melalui seni tari
**Muka 27**

# Pelantikan Peguam Negara baharu

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 5 Oktober. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dilantik menjadi Peguam Negara.

Tarikh pelantikan berkenaan berkuat kuasa mulai Selasa, 18 Safar 1442 bersamaan 6 Oktober 2020.

Pelita Brunei

# Kualiti iman, amanah dalam melaksanakan tugas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Lawatan Tidak Berjadual baginda ke Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK).

**Dari muka 1**

Tegas baginda, jika iman dan amanah menjadi pakaian, nescaya pemakaiannya akan dapat menghasilkan segala kebaikan.

Kerana itu, baginda ingin melihat supaya kualiti seperti itu akan menjadi pakaian konsisten bagi para pegawai dan kakitangan Jabatan Buruh dan JIPK dalam melaksanakan tugas-tugas mereka.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menggesa agar semua pihak yang diamanahkan untuk melaksanakan misi dan visi jabatan hendaklah melaksanakannya dengan telus dan bersungguh-sungguh, serta menjalankan semua prosedur dan tatacara kerja hendaklah dijalankan secara berhemah dan menepati sasaran.

"Kita sedia menyedari bahawa tugas dan tanggungjawab dua buah jabatan ini memanglah berat dan mencabar. Namun tugas dan tanggungjawab berat tidaklah bererti ia tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menyentuh mengenai isu kebanjiran pekerja-pekerja asing di negara ini yang tidak terkawal.

Kebawah DYMM menggesa agar perkara-perkara yang tidak wajar dilakukan janganlah ia dilakukan dalam pengurusan dan pentadbiran oleh dua buah jabatan berkenaan.

"Mengapa ia harus berlaku sedangkan Jabatan Buruh dan JIPK mempunyai bidang tugas dan kuasa untuk mengawal?" soal baginda dalam titah.

Baginda seterusnya bertitah, terdapat andaian bahawa perkara ini mungkin berpunca dari pengendalian dan pemberian kebenaran Lesen Pekerja Asing (LPA) dan Visa Pekerja yang tidak betul.

"Tidak betul itu di sini, termasuklah penyalahgunaan kuasa ketika menguruskan urusan-urusan warga asing serta keterlibatan agensi-agensi *freelance* yang tidak berdaftar," titah baginda lagi.

Sangat lumrah didengar mengenai ejen ini, titah baginda, di samping ejen-ejen berdaftar yang sah di sisi undang-undang ada juga turut muncul ejen-ejen *freelance* yang tidak berdaftar.

Mengenai layanan yang tidak sama terhadap ejen-ejen berdaftar yang sah di sisi undang-undang dan ejen-ejen *freelance* yang tidak berdaftar, baginda menegaskan bahawa sepatutnya semua urusan mengenai pekerja asing mesti dibuat oleh agensi berdaftar bagi mengelakkan penyelewengan daripada berlaku.

Baginda juga bertitah, layanan kepada ejen-ejen berdaftar sering saja dipayah-payahkan, sedangkan mereka membayar deposit sehingga puluhan ribu serta membayar lesen tahunan, membayar sewa pejabat dan membayar gaji pekerja.

Sedangkan ejen-ejen *freelance,* titah baginda, mendapat layanan istimewa ketika berurusan walaupun tidak berdaftar.

"Sebab itu, ejen-ejen *freelance* disukai oleh syarikat-syarikat asing kepunyaan orang luar kerana mereka ini dengan mudah dan cepat dapat membuat urusan di imigresen dan buruh," titah baginda.

Tegas baginda, kalau ejen rasmi membuat urusan pasport mengambil masa dua minggu baru siap, tetapi jika ejen *freelance* cuma dua hari saja. Ini, jika benar, ternyata ia adalah satu penyelewengan ketara.

Baginda turut bertitah bahawa perkara seperti itu telah pun pernah diadukan kepada pihak berkenaan, kementerian tetapi hasilnya tidak diketahui dengan jelas.

Baginda seterusnya bertitah, sepatutnya semua urusan mengenai pekerja asing mesti dibuat oleh agensi berdaftar bagi mengelakkan penyelewengan daripada berlaku. Seperti, orang mungkin saja mengusahakan visa-visa palsu dan seumpamanya.

"Di manakah visa palsu itu boleh didapat jika bukan dengan kerjasama pihak-pihak tertentu," titah baginda.

Terdahulu, baginda bertitah menerangkan mengenai Jabatan Buruh dan JIPK sebagai salah satu agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam mengendalikan perkara-perkara perlesenan dan visa.

Antara misi Jabatan Buruh, titah baginda, ialah sebagai penyedia kemudahan bagi pengambilan para pekerja, sama ada di sektor swasta mahupun kerajaan tanpa prejudis.

Ini, termasuklah memastikan persekitaran pekerjaan yang harmoni, selamat dan selesa, titah baginda.

"Adapun visinya pula ialah mengenal pasti bahawa sumber tenaga manusia hendaklah berkualiti, di samping juga berdaya maju untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja-pekerja warga asing," titah baginda lagi.

Sementara itu, baginda bertitah, misi dan visi JIPK pula ialah bergerak ke arah perkhidmatan yang dinamik dan *credible,* serta bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan hal ehwal imigresen dan pendaftar kebangsaan.

## Dari Sidang Pengarang.

7 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 19 صفر 1442

### YSHHB WADAH PEMEDULIAN MASYARAKAT

YAYASAN Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) kini berusia 28 tahun sejak ia ditubuhkan dengan merangkumi dasar sebagai wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda. Selain itu, ia adalah sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat yang sentiasa taat setia kepada baginda dan kerajaan baginda. Di samping itu, penubuhan YSHHB adalah sebagai lambang pembentukan dan perpaduan masyarakat dan Negara Brunei Darussalam NBD yang sejahtera dan makmur serta keharmonian umat manusia antarabangsa mengikut keadaan dan kesesuaian yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Penubuhan YSHHB tersebut adalah berasaskan kepada lima tujuan iaitu Ugama, Kebajikan, Pendidikan, Pembangunan dan Kewangan. Sejak ditubuhkan, YSHHB melaksanakan beberapa projek dan aktiviti selaras dengan dasar dan tujuan penubuhannya dalam bidang Ugama, Kebajikan, Pendidikan, Pembangunan dan Kewangan. Rakan-rakan strategik dan sukarelawan adalah merupakan antara nadi penggerak YSHHB dalam membantu memperkembangluaskan aktiviti amal dan kemasyarakatannya.

Antara projek yang dilaksanakan adalah pembangunan Bangunan Kompleks YSHHB dan Sekolah YSHHB. Selaras dengan tujuan dan objektif penubuhan YSHHB, Unit Sukarelawan juga telah ditubuhkan dengan tujuan memupuk kesedaran dan menaikkan semangat kesukarelawanan dalam masyarakat di negara ini.

Di samping itu, YSHHB juga melalui proses peralihan paradigma yang menjadi teras dalam melakar Pelan Strategik YSHHB 2020 - 2025. Pelan Strategik tersebut menjadi panduan ke arah pengurusan pentadbiran yang lebih cekap dan strategik ke arah mencapai hasrat untuk mewujudkan masyarakat yang proaktif dan inovatif, berdaya usaha sehingga pada penghujungnya Mandiri tanpa mengharap kepada bantuan semata-mata.

Perkara ini selaras dengan Sabda Khas Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB baru-baru ini sempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-28 Tahun, yang melahirkan kepercayaan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh YSHHB dalam meningkatkan jalinan kerjasama dengan pelbagai sektor kerajaan dan swasta termasuk Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) akan memberikan sinergi ke arah mencapai visi, misi dan matlamat strategik YSHHB 2020 - 2025 bagi menjana 'Masyarakat Mandiri' dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035.

"Malah semua ini adalah merupakan kunci utama bagi merealisasikan niat murni paduka ayahanda, dalam mengukuhkan kesepaduan melalui pendekatan 'Whole of Nation' supaya dengannya diharap akan dapat mengelakkan sebarang pembaziran, pertindihan serta duplikasi dalam memberikan bantuan," sabda DYTM.

DYTM bersabda, selaras dengan itu juga, peralihan paradigma dalam pengurusan pentadbiran dan perkhidmatan YSHHB secara kreatif dan *adaptive* melalui penerapan Revolusi Industri 4.0 perlulah dipertingkatkan bagi menghasilkan impak yang berkesan demi memperluaskan jangkauan *outreach* khusus terhadap golongan sasaran.

Dengan berbagai-bagai projek dan usaha dilaksanakan oleh pihak YSHHB tersebut hendaklah sebaiknya dimanfaatkan oleh para penerima dan menjadi motivasi kepada mereka untuk terus berusaha bagi meningkatkan taraf hidup agar kehidupan lebih sempurna dan sejahtera.

- **Ketua Penyuntingan (Rd)**




## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi OKTOBER | HARI | Hijrah SAFAR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | RABU | 19 | 4.39 | 4.49 | 6.07 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.10 | 7.19 |
| 8 | KHAMIS | 20 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.09 | 7.18 |
| 9 | JUMAAT | 21 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.09 | 7.18 |
| 10 | SABTU | 22 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.08 | 3.23 | 6.08 | 7.18 |
| 11 | AHAD | 23 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.28 | 12.08 | 3.24 | 6.08 | 7.17 |
| 12 | ISNIN | 24 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.08 | 3.24 | 6.08 | 7.17 |
| 13 | SELASA | 25 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.08 | 3.24 | 6.07 | 7.17 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**

AMBULANS **991** | POLIS **993** | BOMBA **995** | PENYELAMAT **998** | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam **123** | NDMC **2380214**

# Bercemar duli tinjau perkembangan JIPK, Jabatan Buruh






KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) (kiri, atas dan bawah kiri).

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin**

**BERAKAS**, Isnin, 5 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dan Jabatan Buruh, di sini.

Semasa keberangkatan lawatan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meninjau dengan lebih dekat beberapa bahagian dilihat tidak di bawah kedua-dua jabatan berkenaan.

Mula-mula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat mengadakan lawatan ke JIPK.

**Ke muka 4**





ANTARA pegawai dan kakitangan JIPK dan Jabatan Buruh pada Lawatan Tidak Berjadual tersebut.

## Pemalsuan jenayah keji, jejas keselamatan

**Dari muka 1**

"Kita sama sekali tidak ada berkompromi dengannya, kerana ia adalah antara jenayah yang sangat keji dan memalukan, bahkan boleh menjejaskan keselamatan," titah baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berangkat mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), di sini, hari ini.

Kebawah DYMM juga menggesa agar semua pihak yang diamanahkan untuk melaksanakan misi dan visi jabatan hendaklah melaksanakannya dengan telus dan bersungguh-sungguh serta menjalankan semua prosedur dan tatacara kerja hendaklah dijalankan secara berhemah dan menepati sasaran.

"Elakkan dari terlalu banyak mengadakan lapisan-lapisan untuk dilalui sehingga mengambil masa yang lama. Misalnya aliran kerja untuk mendapat Lesen Pekerja Asing (LPA)di Jabatan Buruh perlu melalui 23 lapisan dan melibatkan lebih daripada 10 orang pegawai dan kakitangan," titah baginda.

Baginda seterusnya bertitah, bentuk prosedur dan tatacara begini boleh menjejaskan operasi sesebuah syarikat pemohon sehingga tidak pelik kalau ada syarikat yang sampai sanggup mengambil jalan mudah menawarkan suapan.

"Kita tidak mahu pengurusan hanya bagus pada teori sahaja seperti sistem LPA yang dikatakan sebagai hasil kemas kini ke atas proses yang digunakan sebelum ini yang memakan tempoh 41 hari dan dengan wujudnya LPA, hanya akan mengambil masa tujuh hari sahaja. Tetapi, kemampuan Jabatan Buruh untuk menepati tempoh berkenaan dilihat tidak menjadi kenyataan," tegas baginda.

Titah baginda lagi, di samping khidmat menunaikan misi, menyediakan kemudahan-kemudahan dan persekitaran yang selamat bagi pekerja, pihak-pihak berkenaan juga perlu tegas dalam melaksanakan tuntutan akta dan peraturan mengenainya.

"Kita tidak boleh leka dari memantau dan mengambil tindakan terhadap sesiapa jua pun yang menyalahi undang-undang atau peraturan yang dianggap sebagai melakukan kesalahan di bawah akta atau peraturan buruh dan imigresen," tegas baginda lagi.

Baginda turut bertitah, membangkitkan mengenai perkara - perkara yang mencurigakan, di mana para pekerja atau peniaga pasar-pasar, sama ada pasar ikan atau pasar sayur dan buah-buahan yang kelihatan di situ seolah-olah dimonopoli oleh orang luar.

"Apakah jenis-jenis lesen yang mereka ada atau kah mereka misalnya pemegang lesen buruh binaan atau amah pembantu rumah, tetapi dijadikan oleh majikan masing-masing sebagai nelayan atau penjual ikan dan sebagai peniaga sayur dan buah-buahan.

"Kalau ini lah yang betul berlaku, maka tentu saja ia menyalahi akta dan peraturan. Tetapi hakikatnya, ia sudah pun berlaku sekian lama. Adakah perkara ini telah pun ditangani berdasarkan akta dan peraturan atau pun hanya dibiarkan begitu saja?" titah baginda.

Baginda juga bertitah dengan mengambil maklum bahawa terdapat operasi pernah dibuat oleh bahagian - bahagian penguatkuasa undang-undang Jabatan Buruh dan JIPK.

"Mereka dalam operasi-operasi tersebut ada yang berjaya mencekup beberapa individu yang menyalahgunakan lesen pekerja dan pas imigresen. Ini sudah bagus, tetapi adakah langkah atau tindakan seperti ini dilakukan secara konsisten dan menyeluruh?" soal baginda dalam titah.

"Beta ingin melihat jika ada laporan mengenainya secara berfakta," tegas baginda.



**KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai bersama para pegawai juga kakitangan JIPK semasa Lawatan Tidak Berjadual baginda berkenaan.**

**Dari muka 3**

Keberangkatan Kebawah DYMM dijunjung oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Md. Amir Hairil bin Haji Mahmud dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, KHEDN, Awang Haji Azmi bin Haji Hafneh.

Dalam lawatan tersebut, antara bahagian-bahagian yang dilawati baginda ialah Bahagian Kad Pengenalan Pintar; Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat; dan Bahagian Visa, Pas Lawatan dan Diplomatik.

Baginda seterusnya berangkat mengadakan lawatan ke Bahagian Pas Pekerja Asing dan Bahagian Permit Masuk dan turut menjadi tumpuan baginda ialah Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang.

**Ke muka 5**





**KEBAWAH DYMM berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Awang Muhammad Saufi bin Awang Haji Ibrahim (atas) dan salah seorang pegawai di Jabatan Buruh (kiri).**



**KEBAWAH DYMM berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada orang awam yang sedang berurusan di Jabatan Buruh dan JIPK (atas dan kanan).**








**KEBAWAH DYMM berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Awang Muhammad Saufi (kiri) dan pegawai juga kakitangan dari JIPK (atas) semasa Lawatan Tidak Berjadual baginda.**

**Dari muka 4**

Dari JIPK, baginda meneruskan keberangkatan lawatan ke Jabatan Buruh.

Menjunjung keberangkatan baginda ke jabatan tersebut ialah Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Awang Muhammad Saufi bin Awang Haji Ibrahim.

Antara bahagian yang dilawati baginda ialah Bahagian Piawaian Perburuhan dan Agensi Pekerjaan.

Baginda meneruskan keberangkatan dengan melawat Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja dan Bahagian Pekerja Asing.

Turut menjadi perhatian lawatan baginda ialah di Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Pendakwaan dan Perundangan, dan juga Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Sebelum mengakhiri lawatan, baginda berkenan mengurniakan titah.



**KEBAWAH DYMM berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada salah seorang orang awam yang berurusan di JIPK.**





**KEBAWAH DYMM semasa berkenan mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke beberapa bahagian di Jabatan Buruh (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan dijunjung menandatangani potret baginda oleh orang awam semasa Lawatan Tidak Berjadual berkenaan.**

Pelita Brunei

# Tingkatkan kerjasama, hasilkan impak yang berkesan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bersabda melahirkan kepercayaan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh YSHHB dalam meningkatkan jalinan kerjasama dengan pelbagai sektor kerajaan dan swasta termasuk Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) akan memberikan sinergi ke arah mencapai visi, misi dan matlamat strategik YSHHB 2020-2025 bagi menjana 'Masyarakat Mandiri' dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Semua ini, sabda Duli Yang Teramat Mulia adalah merupakan kunci utama bagi merealisasikan niat murni paduka ayahanda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, dalam mengukuhkan kesepaduan melalui pendekatan 'Whole of Nation' supaya dengannya diharap akan dapat mengelakkan sebarang pembaziran, pertindihan serta duplikasi dalam memberikan bantuan.

DYTM bersabda demikian pada Sabda Khas sempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-28 Tahun.




**TAYANGAN video Sabda khas Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).**

Selaras dengan itu juga sabda DYTM, peralihan paradigma dalam pengurusan pentadbiran dan perkhidmatan YSHHB secara kreatif dan *adaptive* melalui penerapan Revolusi Industri 4.0 perlulah dipertingkatkan bagi menghasilkan impak yang berkesan demi memperluaskan jangkauan *outreach* khusus terhadap golongan sasaran.

"Di kesempatan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam mendukung usaha mencapai hasrat murni paduka ayahanda melalui Yayasan paduka ayahanda selama ini".

"Akhirnya, saya selaku Pengerusi Jemaah Tadbir dalam menerajui Yayasan paduka ayahanda ini, dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan demi mendukung hasrat murni paduka ayahanda, akan terus berusaha mengharungi cabaran mendatang secara proaktif, kreatif, inovatif dan bersepadu bersama-sama dengan warga Yayasan paduka ayahanda," sabda DYTM.

# Berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran Penubuhan YSHHB Ke-28



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-28 Tahun.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Oktober. - Tarikh 5 Oktober 2020, genaplah usia Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) Ke-28 Tahun.

YSHHB ditubuhkan pada 7 Rabiulakhir 1413 Hijrah bersamaan 5 Oktober 1992 Masihi sempena Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta yang merupakan wadah amal jariah atau derma khairat baginda dan kerabat baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat serta menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Bagi meraikan sambutan tersebut, YSHHB menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-28 Tahun bertempat di Tingkat 4, Dewan Serbaguna Kompleks YSHHB, Bandar Seri Begawan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB berkenan berangkat ke majlis tersebut.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Atur cara majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah dan diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang dibacakan oleh Ketua Hakim Syar'ie, Mahkamah Syariah, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sebelum meneruskan majlis seterusnya, DYTM berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

DYTM juga berkenan menerima pesambah daripada YSHHB iaitu perhiasan kristal dengan mempunyai kalimah 'Syahadah' yang ditulis oleh penulis khat Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB (PPKKI-YSHHB) dan set cawan yang mempunyai seni reka bentuk Islam, kedua-dua pesambah adalah merupakan produk daripada Kedai Semaun, PPKKI-YSHHB.

# Pengurniaan anak kunci rumah, sumbangan, sijil penghargaan






DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyempurnakan Pengurniaan Anak-Anak Kunci Rumah Bantuan Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) (atas) dan penyampaian sumbangan YSHHB kepada salah sebuah badan bukan kerajaan yang mengendalikan program pembangunan dan pemulihan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), iaitu Persatuan SMARTER Brunei (kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Oktober. - Seramai 22 buah keluarga yang kurang berkemampuan menerima Anak-Anak Kunci Rumah Bantuan Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Daripada jumlah tersebut, 21 buah rumah bantuan dibina di bawah Skim Perumahan YSHHB dan sebuah lagi dibina di bawah Projek Bersepadu YSHHB bersama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Majlis Penyempurnaan Pengurniaan Anak-Anak Kunci Rumah Bantuan Skim Perumahan YSHHB ini diadakan sejurus Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-28 Tahun.

Berangkat menyempurnakan penyampaian Anak-Anak Kunci Rumah Bantuan Skim Perumahan YSHHB di Ruang Tingkat 2, Kompleks YSHHB ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Majlis dimulakan dengan sembah alu-aluan oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan tayangan video Sabda Khas DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB dan video 'Pencapaian YSHHB Sepanjang 28 Tahun dan Hala Tuju Ke hadapan'.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan dijunjung bagi penyampaian sijil penghargaan kepada Sukarelawan yang menyumbang kepada YSHHB.

Rumah bantuan di bawah Skim Perumahan YSHHB dikhususkan kepada rakyat yang kurang berkemampuan dan keadaan tempat tinggal mereka daif dan tidak selamat untuk didiami.

Projek pembinaan rumah bantuan adalah menepati hala tuju strategik YSHHB dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pemedulian terhadap keperluan asasi golongan yang memerlukan yang seterusnya dihasratkan bagi memberikan mereka peluang untuk memperbaiki taraf hidup keluarga dalam semua aspek kehidupan.

Konsep dan reka bentuk baharu bagi pembinaan 22 buah rumah bantuan ini adalah lebih moden dan setara dengan teknologi semasa dalam keperluan pembangunan rumah kos rendah yang juga dapat disiapkan sepenuhnya dalam jangka masa yang pendek.

Pada majlis tersebut, DYTM juga berkenan menyempurnakan penyampaian sumbangan YSHHB kepada dua buah badan bukan kerajaan yang mengendalikan program pembangunan dan pemulihan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), iaitu Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan Persatuan SMARTER Brunei.

Sumbangan ini, adalah merupakan inisiatif YSHHB dalam memberikan pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan golongan OKU yang sewajarnya diberikan bimbingan, didikan dan kemahiran supaya mereka menjadi individu yang berjaya dan mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam menerima sumbangan kewangan sebanyak BND50,000, iaitu sumbangan tahunan YSHHB (bagi tahun 2021) untuk memberi sokongan kepada pusat berkenaan dalam mengendalikan perkhidmatan dan latihan kepada insan-insan istimewa yang kurang upaya dari segi anggota dan intelek untuk membolehkan mereka mencapai potensi ke tahap maksimum.

Hadir menerima sumbangan ialah Pemegang Amanah Kanan (Senior Trustee) Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Dato Paduka Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab.

Ke muka 8



DYTM berkenan bergambar ramai bersama para penerima Anak-Anak Kunci Rumah Bantuan Skim Perumahan YSHHB dan para penerima sumbangan YSHHB pada majlis tersebut.

Pelita Brunei



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB ketika berkenan berangkat pada Majlis Penyempurnaan Pengurniaan Anak-Anak Kunci Rumah Bantuan Skim Perumahan YSHHB yang diadakan sejurus Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-28 Tahun.

Dari muka 7

Persatuan SMARTER Brunei (Persatuan bagi sekumpulan ibu-bapa yang mempunyai anak yang memiliki autisme) juga menerima sumbangan kewangan berjumlah BND50,000 dan merupakan sumbangan tahunan YSHHB (bagi tahun 2021).

Daripada jumlah sumbangan tersebut, sebanyak 50 peratus disumbangkan kepada Persatuan SMARTER Brunei untuk mengendalikan urusan pengajaran dan pembelajaran khusus bagi anak-anak autistik. Manakala sebanyak 50 peratus lagi adalah untuk pembayaran yuran pendidikan yang dikenakan oleh SMARTER Brunei bagi mengajar anak-anak autisme daripada keluarga yang berpendapatan rendah.

Sumbangan YSHHB ini diterima oleh Pemangku Yang Di-Pertua Persatuan SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang. Majlis juga diselajurkan dengan Penyampaian Sijil-Sijil Penghargaan kepada para Sukarelawan YSHHB yang telah menyumbangkan khidmat bakti menjayakan program YSHHB sepanjang tahun 2020.

DYTM juga berkenan mengurniakan sijil penghargaan kepada wakil Sukarelawan YSHHB, Haji Syed Mohd Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah yang mewakili 450 orang sukarelawan yang terlibat dalam menjayakan projek-projek amal YSHHB sepanjang tahun 2020.

YSHHB sangat menghargai sumbangan masa dan tenaga serta buah fikiran para sukarelawan dalam menyumbangkan khidmat bakti mereka melaksanakan projek-projek amal YSHHB secara berterusan.

Sebelum berangkat balik, DYTM juga berkenan bergambar ramai bersama penerima-penerima rumah bantuan YSHHB.

Dalam hala tuju ke hadapan, YSHHB mengatur langkah dengan menyediakan Pelan Strategik 2020-2025 yang akan berperanan sama mengukuhkan kesepaduan bagi mencapai 'Whole of Nation Approach' bagi mengelakkan pembaziran, pertindihan serta duplikasi di samping meningkatkan jalinan kerjasama dengan pelbagai sektor kerajaan dan swasta demi mencapai visi dan misi serta matlamat strategik dalam menjana 'Masyarakat Mandiri' dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035.

# Visi membangun 'Masyarakat Mandiri'

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 5 Oktober. - Dalam usia yang hampir tiga dekad, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) melalui proses peralihan paradigma yang menjadi teras dalam melakar Pelan Strategik YSHHB 2020-2025.

Pelan Strategik tersebut digunakan sebagai *guiding principle*, dalam pelaksanaan rancangan khusus untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk yang disasarkan. Sepertimana jua salah satu matlamat di dalam Wawasan Brunei 2035.

Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB menyembahkan demikian dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Penyempurnaan Pengurniaan Anak - Anak Kunci Rumah Bantuan Skim Perumahan YSHHB dan Penyampaian Sumbangan - Sumbangan YSHHB serta Penyampaian Sijil-Sijil Penghargaan kepada Wakil Sukarelawan Sempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-28 berlangsung di Ruang Tingkat 2, Kompleks YSHHB.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.

"Dalam meneruskan langkah ke hadapan, abis hamba Duli Tuanku Lembaga Pengarah dan Pengurusan Yayasan paduka ayahanda Duli Tuanku pada menjunjung titah-titah paduka ayahanda Duli Tuanku dan juga sabda-sabda arahan dan panduan Duli Tuanku bertekad dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk lebih fokus dan terarah dalam menanai amanah, melaksanakan projek-projek dan inisiatif dengan lebih efisien, meningkatkan jangkauan dan jaringan selaras dengan visi membangun 'Masyarakat Mandiri' melalui kaedah berkesepakatan dan pensejajaran serta menyampaikan dan mengembangkan segala niat murni dan amal jariah paduka ayahanda Duli Tuanku melalui penubuhan Yayasan paduka ayahanda Duli Tuanku ini," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, mengimbas kembali akan dasar penubuhan YSHHB yang terbit daripada rasa kasih dan keprihatinan paduka ayahanda Duli Tuanku, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini khususnya bagi yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan.

"Melalui YSHHB, amal jariah paduka ayahanda Duli Tuanku dan ahli-ahli kerabat diraja disalurkan secara berterusan merangkumi antaranya bidang-bidang ugama, kebajikan, pendidikan dan pembangunan. Alhamdulillah ia telah banyak memberi impak bermakna dan berkesan kepada penerima-penerima," sembah Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, pada mengambil sukut baik sempena Ulang Tahun Ke-28 Penubuhan YSHHB, seramai 22 buah keluarga akan menerima rumah bantuan.

Projek ini sembah Yang Berhormat adalah merupakan antara manifestasi kegiatan serta inisiatif yang dilaksanakan dalam memenuhi komitmen YSHHB sepertimana yang digariskan di dalam Pelan Strategik 2020-2025 yang dilancarkan pada awal tahun ini.

"Alhamdulillah, rumah-rumah bantuan yang dianugerahkan pada tengah hari ini merupakan projek berterusan yang dilaksanakan di bawah Skim Perumahan Yayasan paduka ayahanda Duli Tuanku dalam *mengalinga* keperluan asasi mereka yang memerlukan iaitu menyediakan kediaman yang lebih selamat sebagai asas kesejahteraan sesebuah keluarga".

"Abis hamba Duli Tuanku sukacita menyembahkan bahawa kurnia bantuan ini sangat disyukuri dan dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh para penerima dan keluarga



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua semasa sembah alu-aluan.

dengannya mereka dapat meneruskan kehidupan dalam keadaan yang lebih selesa, sebagai sinar kebahagiaan dan seterusnya berusaha dan bertawakal meningkatkan taraf hidup," sembah Yang Berhormat.

Terdahulu dalam sembah alu-aluannya, Yang Berhormat turut menyembahkan, keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke majlis bermakna dan berkebajikan itu mencerminkan keluhuran dan keprihatinan mendalam dan berterusan DYTM di atas semua usaha-usaha Yayasan paduka ayahanda DYTM dalam memeduli kebajikan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk di negara ini khususnya golongan tertentu yang memerlukan.

Yang Berhormat menambah, kebajikan dan kesejahteraan golongan orang tertentu yang memerlukan bantuan di NBD sentiasa diberi perhatian khusus dengan sewajarnya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan gabungan kerjasama agensi - agensi berkepentingan lainnya termasuk YSHHB.

# 195 terima Sijil Taraf Kerakyatan NBD



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri) menyempurnakan penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada penerima yang diraikan.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS**, Selasa, 6 Oktober. - Seramai 195 orang menerima Sijil Taraf Kerakyatan Negara Brunei Darussalam (NBD), pada hari kedua, Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-33, yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa Brunei, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Seramai 389 pemohon telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seterusnya menerima Sijil Taraf Kerakyatan negara ini, iaitu 194 orang, kelmarin; dan 195 orang, hari ini.

Mereka yang menerima Sijil Taraf Kerakyatan NBD, masing-masing di bawah Bab 6 (1), terdiri daripada anak-anak kepada ibu warganegara Brunei Darussalam; bapa warganegara Brunei Darussalam; dan anak-anak angkat kepada ibu bapa angkat warganegara Brunei Darussalam; juga di bawah Bab 5 (6) dari Akta Taraf Kebangsaan NBD, Penggal 15.

Semasa ditemu bual oleh pihak media, Dayang Zaimah binti Ahmad merafakkan rasa syukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pengiktirafan Sijil Taraf Kerakyatan berkenaan.

Beliau, menjelaskan, setelah menunggu selama 11 tahun, akhirnya beliau diperkenankan untuk menjadi Rakyat NBD.

"Penguriaan ini mencerminkan sikap pemedulian dan keluhuran hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada rakyat dan penduduk negara ini, dengan itu, saya akan berusaha untuk sama-sama berganding bahu bagi membangunkan negara ini dengan lebih maju," jelasnya.

Manakala, Teo Thian Siong berasa bersyukur dan gembira setelah anak angkat beliau, Thu Wei Lun, kini diperkenankan oleh Kebawah DYMM untuk menjadi Rakyat NBD setelah menunggu selama 15 tahun.



DAYANG Zaimah binti Ahmad semasa ditemu bual.



TEO Thian Siong semasa ditemu bual.

# Pelantikan TSUT (Politik), KHELN

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Oktober. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Pembangunan, Hajah Mardiana binti Haji Omar untuk dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (TSUT) (Politik), Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN).

Tarikh pelantikan pegawai berkenaan berkuat kuasa, mulai Rabu, 19 Safar 1442 bersamaan 7 Oktober 2020.

# COVID-19 : Tiada kes aktif

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Oktober. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa tidak ada kes baharu jangkitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 masih kekal sebanyak 146 kes.

Sementara itu, tiada kes aktif dilaporkan dan jumlah keseluruhan yang sembuh seramai 143 orang.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan juga mengongsikan mengenai Situasi Terkini bagi Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, iaitu seramai 298 orang masih menjalani pengasingan diri mandatori, manakala jumlah yang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak bulan Mac 2020 ialah seramai 6,638 orang.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 298 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dijalankan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal yang dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 60,615 ujian.

Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan bagi orang ramai yang ingin mendapatkan ujian saringan SARS-CoV-2 (*swab test*), terutama sekali bagi mereka yang ingin membuat perjalanan ke luar negara, hendaklah menjalankan ujian saringan SARS-CoV-2 sekurang-kurangnya tiga ke lima hari sebelum tarikh penerbangan, tertakluk kepada syarat-syarat negara yang akan dituju.

Hasil bagi ujian berkenaan akan mengambil masa dan orang ramai hendaklah bersabar untuk mendapatkan keputusan ujian mereka.

Bagi orang ramai yang ingin mendapatkan ujian SARS-CoV-2 *swab* bagi perjalanan ke luar negara, bolehlah mendapatkan ujian tersebut, di lokasi dan waktu, seperti berikut, iaitu bagi Pusat Kesihatan Berakas, waktu operasi, Isnin hingga Khamis; dan Sabtu (kecuali hari kelepasan awam), mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari; dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Manakala bagi Jumaat; Ahad; dan hari-hari kelepasan awam, waktu beroperasi, bermula dari jam 2.00 petang hingga 5.30 petang.

Di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, waktu operasi dibuka setiap hari, mulai jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam. Kompleks akan ditutup pada hari kelepasan awam.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu *www.moh.gov.bn* atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

**Ringkasan Kes**

| Kes Baru Hari Ini | Jumlah Keseluruhan Kes | | |
|---|---|---|---|
| 0 | 146 | | |
| **Kes Sembuh Hari Ini** | **Kes Aktif** | **Kematian** | **Sembuh** |
| 0 | 0 | 3 | 143 |

- Kes jangkitan tempatan COVID-19 terakhir yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam adalah pada 06 Mei 2020 iaitu kes 141. Manakala, lima kes selepas itu ialah kes import dan kes import terakhir ialah pada 24 September 2020.

**Ringkasan Pengasingan Diri**

| Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori | Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020) |
|---|---|
| 298 | 6,638 |

**Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2**

| Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam | Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020) |
|---|---|
| 298 sampel | 60,615 |

| Lokasi | Hari Beroperasi | Waktu operasi bagi pengambilan Ujian COVID-19 |
|---|---|---|
| Pusat Kesihatan Berakas | Isnin – Khamis & Sabtu (Kecuali Hari Kelepasan Awam – *lihat di bawah*) | 8:00 pagi – 12:00 tengah hari dan 2:00 petang – 4:00 petang |
| | Setiap hari Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam | 2:00 petang – 5:30 petang |
| Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha | Setiap Hari *Tutup pada hari kelepasan awam | 7.00 pagi – 10.00 malam |

# Ketahui had muka dalam berwudhu'

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

**KELUARAN PERTAMA**

**(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**SUNGGUHPUN** muka tidak termasuk dalam aurat yang diwajibkan ke atas seorang lelaki dan perempuan untuk ditutup apabila berada di hadapan bukan mahram, ini tidak bermakna bahawa had atau batas bahagian tersebut tidak perlu diketahui. Hakikatnya, had atau batas muka adalah sangat penting untuk diketahui kerana perkara ini juga melibatkan kesempurnaan wudhu'. Dalam perkara wudhu', membasuh bahagian zahir muka merupakan perkara fardhu dalam wudhu' sebagaimana perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al Ma'idah, ayat 6 :

**Tafsirnya :** *"...Basuhlah muka kamu..."*
(Surah al-Ma'idah : 6)

Ibadat utama iaitu sembahyang boleh terjejas disebabkan wudhu' yang tidak sempurna dan aurat yang masih terbuka.

Oleh yang demikian, Irsyad Hukum ini akan menghuraikan had atau batas muka yang dimaksudkan di sisi syara' kerana terdapat persoalan atau kekeliruan mengenainya.

### Apa Yang Dimaksudkan Dengan Muka?

Muka ialah apa yang dengannya terletak berhadapan atau di hadapan. Dari segi ukuran panjang, yang dimaksudkan dengan muka itu ialah permukaan antara tempat tumbuh rambut di kepala menurut kebiasaannya (gigi rambut di bahagian dahi) hingga bahagian akhir dua tulang rahang dan dagu. Sementara dari segi ukuran lebar pula, yang dimaksudkan dengan muka itu ialah permukaan di antara satu telinga hingga satu telinga. Imam an-Nawawi Rahimahullah menyebut di dalam kitab al-Majmu' :

**Ertinya :** *"Dan muka : Apa yang di antara tempat mula tumbuh rambut kepala hingga dagu dan bahagian akhir dua tulang rahang dari segi panjang, dan daripada satu telinga hingga satu telinga dari segi lebar".*

Adapun yang dimaksudkan dengan "daripada satu telinga hingga satu telinga" dalam petikan di atas ialah daripada satu anak telinga hingga satu anak telinga sebagaimana yang dijelaskan oleh Syeikh asy-Syarwani Rahimahullah :

**Ertinya :** *"(Dan apa yang di antara dua telinganya) iaitu di antara dua anak telinga".*

### Adakah Keseluruhan Batas Dari Segi Panjang dan Lebar Termasuk Dalam Muka?

Sebagaimana yang telah dijelaskan, had muka dari segi panjang bermula daripada permukaan tempat tumbuh rambut di kepala menurut kebiasaannya hingga bahagian akhir dua tulang rahang dan dagu. Sementara dari segi ukuran lebar pula, yang dimaksudkan dengan muka itu ialah permukaan bermula dari satu telinga hingga satu telinga. Namun adakah keseluruhan batas tersebut termasuk dalam bahagian muka?

Imam an-Nawawi Rahimahullah di dalam kitab Raudhah ath-Thalibin menjelaskan :

**Ertinya :** *"Dan dua batas (garis pinggir tempat tumbuh rambut kepala dan penghujung dagu) termasuk dalam had panjang (muka). Sementara dua batas (telinga kanan dan telinga kiri) tidak termasuk had lebar (muka)".*

Berdasarkan penjelasan di atas menunjukkan bahawa kedua-dua telinga adalah tidak termasuk bahagian muka. Bahkan menurut ulama, kedua-dua anak telinga juga tidak termasuk dalam bahagian muka. Walau bagaimanapun menurut Imam al-Baghawi Rahimahullah, tidak akan sempurna perbuatan membasuh keseluruhan muka itu melainkan dengan membasuh kedua-dua anak telinga. Berdasarkan penjelasan ini pula, dapat difahami bahawa membasuh kedua-dua anak telinga ketika membasuh muka adalah dilakukan demi menjaga kesempurnaan membasuh muka dalam berwudhu'.

Had muka dari segi ukuran panjang pula adalah meliputi keseluruhan batas iaitu bermula dari garis pinggir tempat tumbuh rambut kepala hingga dagu atau bahagian akhir dua rahang. Kedua-dua batas ini adalah termasuk bahagian muka.

Dalam kitab Tuhfah al-Muhtaj, Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah menyebut had muka dari segi ukuran panjang :

**Ertinya :** *"(Dan ia (muka)) dari segi ukuran panjang, (apa yang di antara tempat tumbuh) rambut (di kepalanya menurut kebiasaan dan) di bawah (bahagian akhir) iaitu sisi depan permukaan hujung daripada (dua rahangnya). Maka ia adalah (sebahagian) daripada muka, bukan permukaan di bawahnya (demikian juga) bulu yang tumbuh di permukaan bawahnya itu".*

Sementara itu, menurut Sayyid al-Bakri Rahimahullah sebagaimana huraiannya di dalam kitab Hasyiah I'anah ath-Thalibin mengenai yang dimaksudkan dengan permukaan di bawah penghujung dua tulang rahang :

**Ertinya :** *"(Ia adalah (bahagian) daripada muka) iaitu bahagian akhir yang merupakan sisi depan permukaan hujung daripada dua rahangnya adalah daripada muka. (Tidak termasuk apa yang di bawahnya) iaitu di bawah bahagian akhir tersebut, maka ia bukan daripada muka".*

### Bulu dan Permukaan Yang Termasuk Dalam Bahagian Muka

Ulama ada menjelaskan mengenai bulu dan permukaan muka yang wajib dibasuh ketika berwudhu'. Bulu yang diwajibkan untuk dibasuh ketika berwudhu' ialah :

1. *Al-'idzar* (العِذار) : Bulu yang tumbuh di permukaan yang sejajar dengan bahagian atas telinga dan hingga bahagian bawah telinga. Atau bulu yang tumbuh di antara pelipis dan *al-'aridh*. Rambut atau bulu ini disebut jambang pendek (*sideburn*).
2. *Al-'aridh* (العَارِض) : Jambang atau bulu yang tumbuh di permukaan antara janggut dan *al-'izdar* (jambang pendek).
3. *Al-khadd* (الخَدّ) : Bulu yang tumbuh di permukaan kedua pipi.
4. *Al-lihyah* (اللِّحْيَة) : Janggut atau bulu yang tumbuh di permukaan dagu.
5. *Al-hajib* (الحَاجِب) : Kening atau bulu yang tumbuh di permukaan atas kedua mata.
6. *Al-hudbu* (الهُدْب) : Bulu mata atau bulu yang tumbuh di permukaan kelopak mata.
7. *Asy-syarib* (الشَّارِب) : Misai, kumis atau bulu yang tumbuh di atas bibir.
8. *As-sibal* (السِّبَال) : Bulu yang tumbuh di tepi hujung misai.
9. *Al-'anfaqah* (العَنْفَقَة) : Bulu yang tumbuh di bawah bibir.

Diwajibkan membasuh bulu yang disebutkan di atas termasuk permukaan kulit tempat tumbuh bulu tersebut ketika melakukan salah satu perkara fardhu iaitu membasuh muka. Ini bererti permukaan yang ditumbuhi bulu tersebut adalah permukaan yang termasuk dalam bahagian muka. Ulama juga menyebut bulu-bulu yang disebutkan di atas sebagai bulu muka.

Selain daripada permukaan yang ditumbuhi bulu yang disebutkan, terdapat juga permukaan lain menurut penjelasan ulama adalah termasuk dalam bahagian muka iaitu :

1. *Maudhi' al-ghamam* (مَوْضِع الغَمَم) : Permukaan dahi yang ditumbuhi bulu.
2. *Al-bayadh* (البَيَاض) : Permukaan yang tidak ditumbuhi rambut atau bulu yang letaknya di antara tempat *al'idzar* (jambang pendek) dan telinga.
3. Bahagian merah atau zahir bibir.

**MUKA ialah apa yang dengannya terletak berhadapan atau di hadapan. Dari segi ukuran panjang, yang dimaksudkan dengan muka itu ialah permukaan antara tempat tumbuh rambut di kepala menurut kebiasaannya (gigi rambut di bahagian dahi) hingga bahagian akhir dua tulang rahang dan dagu. Sementara dari segi ukuran lebar pula, yang dimaksudkan dengan muka itu ialah permukaan di antara satu telinga hingga satu telinga.**

**BERSAMBUNG**

# Meneladani ibadah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

MENUJU KEREDAAN ALLAH

*"Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah..."*
(Surah A'li Imraan : 110)

**ALLAH** Subhanahu Wata'ala telah menjadikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai *uswah hasanah* iaitu contoh ikutan yang baik dalam melaksanakan syariat-Nya. Individu yang ingin sentiasa mendekatkan dirinya dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam hendaklah sentiasa mengikut sunah yang boleh kita pelajari daripada hadis sahih serta sirah hidup Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam secara istiqamah.

Orang-orang Islam tidak mungkin dapat menunaikan ibadahnya dengan betul dan sempurna melainkan dia meneladani dan mengikuti etika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam beribadah, sebagaimana yang disebutkan di dalam Al-Quran Surah al-Ahzab, ayat 21, mafhumnya :

*"Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah".*

Ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala hendaklah dilakukan dengan keikhlasan hati dan semata-mata mengharapkan rahmat-Nya jua, dijauhi dari segala perkara yang khurafat dan *bidaah* yang boleh mendorong seseorang itu terpesong. Etika ibadah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semasa hayat yang menjadi panduan kita di antaranya ialah seperti membaca Al-Quran, berdoa dan berpuasa seperti :

Etika membaca Al-Quran
- Membaca dengan tartil
- Mengikut Kesesuaian hukum tajwid
- Membaca dengan jelas
- Memperindahkan suara dan memperelokkan bacaan
- Membaca dengan Khusyuk
- Mendengar dan menghayati bacaan orang lain
- Membaca di waktu siang dan malam

Etika berdoa
- Menghadap kiblat
- Mengangkat kedua tangan dan menyapukannya ke muka setelah selesai berdoa
- Memulakan berdoa untuk diri sendiri sebelum mendoakan orang lain
- Bersungguh-sungguh ketika berdoa dan yakin doanya akan diperkenankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala
- Mengulangi doa sebanyak tiga kali
- Berdoa dengan kata-kata yang bersifat umum, ringkas dan penuh makna

Etika berpuasa
- Mengutamakan sahur dan mengakhirkannya
- Menyegerakan berbuka puasa
- Mengutamakan berbuka dengan buah kurma dan air
- Menyungkaikan orang lain (memberi makan orang yang berbuka puasa)
- Menjaga lidah
- Berbuka puasa bagi orang yang musafir
- Berzikir dan berdoa

*"Wahai orang-orang yang beriman! Tetaplah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan Kitab (Al-Quran) yang Allah turunkan kepada Rasul-Nya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) dan kepada kitab-kitab yang Allah turunkan (kepada rasul-rasul) sebelumnya. Sesiapa yang ingkar (kufur) kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya dan hari akhirat maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya".*

Surah an-Nisa :136

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa mentaati Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya merupakan kunci ibadah yang paling utama dalam ajaran Islam. Setiap umat Islam wajiblah memahami dan mempelajari tuntutan perlaksanaan ibadah dengan sebaik-baiknya mengikut segala ajaran yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

# Tanai taat setia kepada agama, raja dan negara



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Ke-33.

**BERAKAS,** Isnin, 5 Oktober. - Pengurniaan kerakyatan ini datang bersamanya tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebagai seorang rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD).

Oleh yang demikian, kepada mereka yang dikurniakan kerakyatan, adalah menjadi kewajipan selaku rakyat di negara ini untuk menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana dituntut oleh agama Islam.

Taat setia ini tidak sahaja pada lafaz, tetapi mesti lahir dari hati sanubari seseorang dengan disertai oleh sikap yang benar-benar mencerminkan ketaatannya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berucap demikian pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Ke-33 di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, adalah menjadi kewajipan setiap rakyat di negara ini untuk mematuhi Perlembagaan dan Undang-Undang Negara.

"Sebagai sebuah negara yang mengamalkan Melayu Islam Beraja (MIB), setiap rakyat wajib memahami dan mengamalkan nilai-nilai MIB yang menjadi landasan kehidupan rakyat dan penduduk negara ini," ujar Yang Berhormat.

MIB adalah asas kepada sistem pemerintahan beraja di negara ini yang wujud lebih 600 tahun dan berjaya membawa negara kita ke tahap kemajuannya masa kini, tambah Yang Berhormat.

"MIB adalah landasan bagi kehidupan rakyat dan penduduk negara ini yang terdiri dari berbagai etnik dan bangsa yang hidup dalam harmoni, hormat-menghormati, bersatu padu dalam suasana keamanan dan ketenteraman lagi sejahtera," terang Yang Berhormat.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa MIB hendaklah terus difahami dan diamalkan, bagi memastikan kita di negara ini akan terus dapat menikmati kehidupan dalam suasana keamanan dan ketenteraman dan dapat pula mencapai berbagai bidang kemajuan.

Kita amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara ini sejak sekian lamanya menikmati dan memelihara suasana keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan serta kemajuan, jelas Yang Berhormat.

"Sehubungan ini, dalam memastikan Awang-awang dan Dayang-dayang memahami akan tanggungjawab sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah pun melaksanakan beberapa siri taklimat, yang bukan sahaja menjurus kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang dan peraturan-peraturan kerakyatan, tetapi juga memfokuskan kepada taklimat kenegaraan, iaitu memahami falsafah negara MIB yang menjadi asas atau tunggak kehidupan bernegara di negara ini.

"Taklimat-taklimat tersebut hanya memberikan sebahagian dari pengetahuan yang wajib untuk di pelajari, dan diamalkan. Adalah menjadi tanggungjawab bagi Awang-awang dan Dayang-dayang untuk terus meningkatkan lagi ilmu pengetahuan masing-masing dari semasa ke semasa," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berharap, selaku rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita hendaklah mempertahankan dan mendaulatkan NBD dan rajanya sebagai negara berpemerintahan beraja, dengan falsafah kenegaraannya turun temurun sebagai negara MIB.

Adalah menjadi kewajiban setiap rakyat jua untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa, dan bersama-sama memelihara dan mempertahankan suasana keamanan dan keselamatan bagi kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk negara ini, tambah Yang Berhormat.

***"Sebagai sebuah negara yang mengamalkan Melayu Islam Beraja (MIB), setiap rakyat wajib memahami dan mengamalkan nilai-nilai MIB yang menjadi landasan kehidupan rakyat dan penduduk negara ini," ujar Yang Berhormat.***

# 194 terima Sijil Taraf Kerakyatan





YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri) ketika menyampaikan Sijil Taraf Kerakyatan kepada para penerima (kiri dan kanan).



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS**, Isnin, 5 Oktober. - Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-33 diadakan selama dua hari bermula hari ini, bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan penyampaian sijil ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid dan diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Dayang Liza Suriani binti Haji Ibrahim, yang juga selaku Pengerusi Majlis.

Dayang Liza Suriani dalam ucapannya menjelaskan bahawa seramai 389 orang yang mendapat limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi rakyat baginda, iaitu di bawah Bab 6(1) yang terdiri daripada anak-anak kepada ibu warganegara Brunei; anak - anak kepada ayah warganegara Brunei; anak-anak angkat kepada ibu bapa angkat warganegara Brunei; dan juga di bawah Bab 5(6) mengikut suami warganegara Brunei dari Akta Taraf Kebangsaan, Brunei, Penggal 15.

Beliau seterusnya berkata, mereka yang menerima Sijil Taraf Kerakyatan tersebut dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu seramai 194 penerima pada hari ini, manakala seramai 195 penerima lagi pada esok hari.

Majlis antara lain diadakan bagi mengalu-alukan dan seterusnya sebagai tanda penghargaan atas pengiktirafan kepada para penerima Sijil Taraf Kerakyatan yang diperkenankan oleh Kebawah DYMM selaku rakyat baginda.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha - setiausaha Tetap dan Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; penghulu-penghulu; serta para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

# Pembaharuan, penyelarasan dasar bengkel kenderaan, VIS




YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (tengah) semasa Sidang Media yang berlangsung di bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Oktober. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof berkata, berikutan kejadian - kejadian kenderaan terbakar yang semakin meningkat di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) melalui Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) membuat beberapa pembaharuan dan penyelarasan ke atas dasar - dasar mengenai pengawalseliaan dan prosedur pemberian kelulusan kepada bengkel-bengkel kenderaan dan Stesen - stesen Pemeriksaan Kenderaan (Vehicle Inspection Stations - VIS) di negara ini.

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu pada Sidang Media yang berlangsung di Bangunan MTIC, Berakas, di sini.

Jelasnya, antara usaha-usaha segera yang telah dibuat oleh MTIC bersama dengan agensi-agensi yang berkenaan adalah untuk menjalankan satu kajian mengenai punca-punca kekerapan kejadian kenderaan terbakar di negara ini.

Sehubungan ini, tambahnya, JPD akan mengeluarkan notis arahan kepada semua 16 buah VIS di negara ini bagi penambahbaikan teknikal aspek yang wajib diperiksa oleh setiap VIS ke atas semua kenderaan yang berumur 7 tahun ke atas seperti pemeriksaan bawah kenderaan iaitu (*under-carriage*), pendawaian (*wiring*) dan bateri.

Manakala bengkel-bengkel kenderaan yang sudah beroperasi dan belum berdaftar dengan JPD katanya, akan dikehendaki berbuat demikian untuk mendapatkan pengiktirafan.

Menurut Yang Berhormat, bagi melaksanakan perkara-perkara ini, peraturan baharu akan diperkenalkan iaitu bagi pengawalseliaan bengkel-bengkel kenderaan dan VIS yang berdaftar di bawah JPD bagi memastikan penambahbaikan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh bengkel-bengkel yang diiktiraf.

Di samping itu, Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa JPD dan agensi-agensi penguatkuasaan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Authority for Building and Construction Industry (ABCi) dan Safety, Health and Environment National Authority (SHENA) akan meneruskan untuk membuat pemeriksaan ke atas bengkel-bengkel kenderaan dan VIS yang telah dikenal pasti serta memantau kes-kes kejadian kebakaran kenderaan di negara ini.

"Usaha-usaha akan dibuat untuk melakukan pemeriksaan-pemeriksaan rambang ke syarikat-syarikat berkenaan dan premis bengkel - bengkel dengan kerjasama agensi - agensi berkenaan bagi memastikan peraturan dan piawaian keselamatan adalah sentiasa dipatuhi," ujarnya.

Agensi-agensi penguatkuasaan berkenaan katanya, tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak individu atau bengkel-bengkel yang menyalahi peraturan dan undang-undang yang berjalan dari semasa ke semasa.

Orang ramai juga dapat menghubungi Talian Darussalam melalui 123, Aplikasi WhatsApp Talian Darussalam +673 8333123 atau melayari Laman Sesawang Talian Darussalam *www.123.gov.bn* dengan menyertakan gambar-gambar mengenai bengkel-bengkel yang dipercayai terbabit.

# Pastikan jumlah kes tidak akan meningkat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Oktober. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof berkata statistik kes insiden kenderaan yang terbakar pada tahun ini sahaja mencatatkan 64 kes dan sejak beberapa tahun kebelakangan ini iaitu dari tahun 2012 hingga 2020, statistik mencatatkan jumlah kes adalah mendatar.

Jelas Yang Berhormat lagi, yang tertinggi dicatatkan sebanyak 102 kes dalam tahun 2017 dan jumlah ini mendatar serta ia menunjukkan sedikit membimbangkan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyatakan perkara tersebut semasa menjawab soalan yang diajukan mengenai berapa banyak insiden yang melibatkan kenderaan terbakar dan apakah hasil pemeriksaan yang dilaksanakan baru-baru ini, pada sesi soal jawab pada Sidang Media yang berlangsung di bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC).

Yang Berhormat seterusnya berharap, jumlah tersebut tidak akan meningkat pada tahun ini dengan adanya usaha-usaha daripada semua pihak dan doa, bertawakal dan sebagainya.

Oleh sebab itu, inisiatif penemuan awal (*early finding*) tambahnya, seperti kajian yang dibuat baru-baru ini dan laporan dalaman yang dibuat oleh MTIC dengan kerjasama beberapa agensi mendapati kebanyakan kenderaan yang terbakar ini terjadi kerana sebahagian isu seperti pendawaian elektrik dan sebagainya tetapi kita hanya dapat beberapa jumlah sampel kajian berdasarkan jumlah insiden kebakaran kenderaan tahun ini sebanyak lebih 50 sampel.

Menurut Yang Berhormat, jika sesuatu insiden terjadi, MTIC akan menemu bual pemilik kenderaan yang terbakar berkenaan.

"Penemuan awal seperti yang saya nyatakan tadi kebanyakan daripada isu penyelenggaraan kereta dan tidak banyak kepada enjin. InsyaaAllah MTIC akan membuat yang terbaik dan lebih kepada analisis dalam perkara ini.

"Pada waktu yang sama inisiatif yang dikongsikan hari ini iaitu inisiatif memperkenalkan peraturan baharu dan penguatkuasaan yang lebih kerap dan mantap," ujar Yang Berhormat.

# Memastikan hak pekerja terlindung

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Oktober. - Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) akan menguatkuasakan Pelaksanaan Denda Kompaun di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 bermula Khamis, 15 Oktober 2020 bagi pengendalian kesalahan - kesalahan yang melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 dan Syarat-Syarat Lesen Pekerja Asing (LPA) bagi sektor swasta (syarikat) dan Lesen Pengambilan Dan Penggajian Pekerja Asing (bagi perkhidmatan domestik).

Pengumuman pelaksanaan tersebut menerima reaksi pelbagai daripada masyarakat umum yang sesetengahnya tidak menyedari tentang perincian Perintah Pekerjaan, 2009 dan kesalahan-kesalahan yang boleh didenda kepada majikan.

Seorang pegawai dari Kementerian Pendidikan memberikan pendapat positif mengenai Pelaksanaan Denda Kompaun berkenaan kerana ini akan memastikan kedua-dua belah pihak, iaitu majikan dan pekerja dilindungi.

"Saya fikir dengan adanya pelaksanaan ini akan memastikan pekerja dilindungi dari sudut kebajikan mereka dan dalam pada masa yang sama majikan menjalankan autoriti mereka disebabkan kontrak dan perintah berkenaan," ujarnya yang berpendapat ia ialah situasi kemenangan bersama (*win-win situation*).

Pendapat yang berlainan diterima daripada seorang pekerja sektor pelancongan swasta yang ingin dikenali sebagai Anak Wasai, di mana beberapa perkara yang tersenarai dalam kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan denda kompaun tersebut memerlukan perhatian, seperti gagal membayar kenaikan gaji tahunan atau penyelarasan gaji sepertimana yang dipersetujui dalam kontrak.

"Beberapa syarikat mengamalkan nepotisme, tanpa mengambil kira pekerja lama yang sudah bertugas selama 10 hingga 15 tahun tanpa mendapat latihan yang sewajarnya, atau diberikan garis panduan apa yang harus dilakukan untuk menggantikan pegawai atasan mereka," tambahnya.

Beliau terlebih dahulu menyatakan rasa keliru kerana senarai tersebut tidak menyatakan mana yang diperuntukkan untuk pekerja tempatan atau pekerja asing tetapi memberikan perhatian kepada kesalahan bagi gagal menyediakan tempat tinggal dan pengurusan kebersihan persekitaran.

Beberapa responden berpendapat pihak yang berwajib seterusnya berusaha untuk menyebarluaskan kepada rakyat mengenai pelaksanaan ini melalui platform-platform yang mudah diikuti, untuk membarigakan kepada masyarakat umum mengenai kesalahan - kesalahan di dalam Perintah Pekerjaan, 2009 tersebut, terutama mengenai kepentingan kontrak bertulis di antara pekerja dan majikan.

Selain itu, ada juga yang mencadangkan perkara ini dikongsikan atau diajarkan kepada institusi berkenaan supaya pelajar - pelajar yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan mengetahui tentang peraturan-peraturan tersebut bagi mengelakkan mereka diambil kesempatan di atas kurang pengetahuan mengenai kesalahan - kesalahan yang disenaraikan.

Perintah Pekerjaan, 2009, dikuatkuasakan pada 3 September 2009 di mana ia adalah undang-undang utama yang mengawal terma-terma dan syarat - syarat mengenai pekerjaan dalam sektor swasta di Negara Brunei Darussalam.

Ia juga bertujuan supaya majikan dapat menghormati dan memenuhi hak-hak pekerja tempatan dan pekerja asing, sebagai contoh, jam bekerja, hari rehat, bayaran kerja lebih masa, cuti dan cuti bersalin, dan pada masa yang sama menggalakkan anak - anak tempatan untuk bekerja di sektor swasta.




GAMBAR HIASAN...Pelaksanaan Denda Kompaun di bawah Perintah Kerajaan, 2009 akan mengendalikan kesalahan-kesalahan yang boleh didenda kompaun bagi menghormati dan memenuhi hak-hak pekerja tempatan dan pekerja asing.

# Pupuk budaya membaca, kreativiti bercerita pelajar




YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) menyerahkan hadiah kepada juara pada Pertandingan Mari Bercerita - Cerita Teladan 2020 bagi Kategori 'A' (bahasa Melayu), Dayang Nayla Raeesa binti Haji Norzaidi.




SALAH seorang peserta ketika memperdengarkan ceritanya.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BERAKAS,** Isnin, 5 Oktober. - Kedua-dua peserta dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah masing-masing dinobatkan sebagai juara pada Pertandingan Mari Bercerita Peringkat Akhir 2020 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan, yang berlangsung pagi tadi di Balai Sarmayuda, DBP, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Dayang Nayla Raeesa binti Haji Norzaidi yang membawakan tajuk ceritanya 'Khaulah Pahlawan Islam Wanita' dan Awang Muhammad Zarif Irfan bin Haji Awang Muliadi dengan tajuk ceritanya 'The Lion and The Mouse' masing-masing dinobatkan sebagai juara pada Pertandingan Mari Bercerita - Cerita Teladan 2020 bagi Kategori 'A' (bahasa Melayu) dan bagi Kategori 'B' (bahasa Inggeris).

Sementara menduduki tempat kedua dan ketiga bagi Kategori 'A' (bahasa Melayu) masing-masing disandang oleh peserta dari Sekolah Arab Rimba, iaitu Awang Muhammad Azhan Fikri bin Nasrul Muhaimin dengan tajuk ceritanya 'Sultan Muhammad Al-Fateh' dan Awang Muhd. Ilham Haqiqie bin Abdullah Muhd. Kelali dengan ceritanya 'Ihdina - Membimbing Ke Jalan Yang Benar'.

Naib johan bagi Kategori 'B' (bahasa Inggeris) pula disandang oleh Awang Muhammad Aiman Asyraf bin Haji Hazman dari Sekolah Arab Rimba dengan membawakan tajuk ceritanya 'The Unseen', dan berada di tempat ketiga ialah Dayang Siti Nurunnajihah binti Haji Yahmiruddin Shah dari Ma'had Islam Brunei, Tutong dengan tajuk ceritanya 'The Rabbit and The Turtle'.

Manakala, para penerima sagu hati bagi Kategori 'A' dan Kategori 'B' masing-masing jatuh kepada peserta dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, Charlene Chiew Qiao En dengan tajuk ceritanya 'Kura-Kura Yang Terbang' dan peserta dari Ma'had Islam Brunei, Tutong, Dayang Nur Aesya Alanna binti Azrol dengan tajuknya 'Tete Test of The Three Disabilities Men'.

Peraduan Mari Bercerita yang diadakan sejak tahun 1983 ini antara lain bertujuan untuk memupuk semangat membaca, sekali gus memasyarakatkan budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak, dan menjadikan cerita sebagai sumber imaginasi, inspirasi bagi menjana kreativiti semasa menyampaikan cerita, di samping memberikan latihan kepada kanak-kanak supaya berani bercakap di hadapan khalayak ramai.

Pertandingan pada tahun ini berunsurkan kepada cerita teladan, dan dikhususkan untuk kanak-kanak yang berumur antara lapan hingga 12 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan merupakan ahli-ahli perpustakaan DBP.

Para pemenang pertandingan bagi kedua-dua kategori tersebut masing-masing menerima wang tunai berjumlah BND300; BND200; BND100; langganan setahun Majalah Mekar dan Naindung; sijil penyertaan; dan hadiah sagu hati berupa hamper peralatan sekolah.

Selain itu, hadiah pertandingan juga turut dijayakan dengan sumbangan daripada beberapa buah syarikat dan institusi di negara ini, iaitu ITIS Wescot Technology Sdn. Bhd.; The Coffee Bean and Tea Leaf; Sabli Industries Sdn. Bhd.; dan Ezy Printing Services and Trading Co. Sdn. Bhd.

Turut hadir, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

# Operasi 'Merati' : 4 premis perniagaan didenda

| | |
|---|---|
| **Daerah Brunei Muara** | • Hospital RIPAS<br>• Kumbang Pasang<br>• Kiulap<br>• Sg Kabun<br>• Batu Bersurat<br>• Rimba<br>• Masjid Mohammad Bolkiah, Kg Serusop |
| **Daerah Belait** | • KB Sentral<br>• Masjid Zainab, Lumut |
| **Daerah Tutong** | • Pengkalan Mau |
| **Daerah Temburong** | • Negalang<br>• Masjid Batu Apoi |

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 6 Oktober. - Kementerian Kesihatan melalui Unit Penguatkuasaan Kesihatan menjalankan beberapa sesi Operasi 'Merati' dari 28 September hingga 4 Oktober 2020 di premis-premis perniagaan di keempat-empat buah daerah.

Operasi 'Merati' ini dijalankan di premis-premis perniagaan di beberapa kawasan tertentu iaitu di Daerah Brunei dan Muara, operasi berkenaan dijalankan di kawasan Hospital RIPAS, Kumbang Pasang, Kiulap, Sungai Kebun, Batu Bersurat, Rimba dan Masjid Mohammad Bolkiah, Kampung Serusop.

Manakala di Daerah Belait pula, operasi dijalankan di kawasan KB Sentral dan juga di Masjid Zainab, Lumut. Seterusnya di Daerah Tutong, operasi tertumpu di kawasan Pengkalan Mau dan akhir sekali, di Daerah Temburong, operasi dijalankan di kawasan Negalang dan di Masjid Batu Apoi.

Operasi 'Merati' ini melibatkan pegawai-pegawai penguatkuasaan kesihatan dari Unit Penguatkuasaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan. Sebanyak 76 premis perniagaan telah diperiksa.

Hasil daripada operasi yang telah dijalankan mendapati bahawa empat buah premis perniagaan tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan dan dikenakan denda kompaun keseluruhannya sebanyak BND1,400.

Premis-premis berkenaan didapati bahawa pengendali dan penyedia makanan serta pekerja-pekerja tukang gunting rambut dan establismen kecantikan dan kesihatan tidak memakai sungkup muka (*face mask*) serta telah dikenakan denda kompaun.

Kementerian Kesihatan sekali lagi ingin menekankan dan mengingatkan orang ramai, terutama sekali bagi para pengurus dan kakitangan premis-premis perniagaan untuk mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan lainnya.

Terutama sekali memastikan pengendali, penyelia makanan dan kakitangan mereka memakai sungkup muka (*face mask*). Mereka juga perlu melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19 di premis perniagaan masing-masing.

Kementerian Kesihatan juga ingin mengingatkan kepada orang ramai, terutama sekali kepada para jemaah yang berada di kawasan premis masjid, surau dan balai-balai ibadat untuk memakai sungkup muka dan mematuhi garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Pengurus premis juga dikehendaki untuk mendapatkan Kod QR BruHealth yang khusus bagi premis-premis mereka dan mencetak Kod QR dan dilekatkan di kawasan yang mudah diimbas oleh pelanggan. Pengurus premis juga diingatkan untuk menggunakan aplikasi PremiseScan bagi memudahkan pelanggan-pelanggan yang tidak menggunakan BruHealth di telefon bimbit mereka.

Selain dari itu, mereka juga perlu mengamalkan langkah-langkah kebersihan di dalam premis perniagaan dan terutama sekali bagi premis makanan diingatkan untuk mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan jika menyediakan makanan secara bufet.

Orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan di *www.moh.gov.bn* atau mengunjungi laman sosial di Facebook dan Instagram untuk mendapatkan maklumat terkini.

Sebarang aduan atau laporan mengenai premis-premis perniagaan yang tidak mengikuti arahan-arahan yang dikeluarkan, orang ramai boleh membuat aduan dengan menghantar e-mel kepada *health.enforcement@moh.gov.bn* atau menghubungi Talian Darussalam 123.



Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

# Pelaksanaan 3 strategi utama pengurusan sisa



**YANG Mulia Timbalan Menteri Pembangunan (tengah) semasa hadir pada Bengkel ODFTF bagi Strategi 7 BNCCP. Turut hadir pada majlis tersebut, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kanan).**

**BERAKAS**, Selasa, 6 Oktober. - Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCC) melancarkan satu dasar perubahan iklim pertama seumpamanya di negara ini, iaitu Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam pada 25 Julai lalu.

Berikutan dengan pelancaran dasar tersebut, Pasukan Petugas Dokumen Operasi (ODTF) bagi Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP) dibentuk dalam usaha untuk menghasilkan dokumen operasi yang terperinci bagi mengoperasi BNCCP ke arah negara lestari berdaya tahan dan rendah karbon.

Sehubungan itu, Bengkel ODFTF bagi Strategi 7 BNCCP yang menjurus kepada pengurusan sisa diadakan selama dua hari bermula hari ini anjuran bersama Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) selaku agensi peneraju dan Sekretariat Perubahan Iklim Brunei (BCCS) yang telah diadakan bertempat di Dewan Simpur Atria, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR), di sini.

Hadir dan merasmikan bengkel tersebut ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin. Bengkel tersebut merupakan siri terakhir Bengkel ODTF sejak ia mula dilaksanakan pada 31 Ogos yang lalu.

Seramai 68 peserta mewakili pihak-pihak berkepentingan yang relevan, termasuk agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, institusi pendidikan, organisasi dan persatuan bukan kerajaan (NGO) menyertai bengkel tersebut di bawah bimbingan wakil-wakil dari Autoriti Petroleum dan agensi-agensi peneraju sebagai pemudah cara.

Terdahulu, semasa berucap dan merasmikan bengkel, Timbalan Menteri Pembangunan turut menyentuh bahawa Negara Brunei Darussalam menyumbang sebanyak 0.001 peratus sumbangan gas rumah hijau akan tetapi jumlah tersebut antara yang tertinggi di rantau ASEAN di samping penjanaan sebanyak 1.15 kilogram per kapita sampah setiap hari yang perlu dilupuskan.

Tambahnya lagi, pada tahun 2019 sahaja menyaksikan peningkatan, iaitu sebanyak 263, 669 tan metrik sisa sampah yang dihasilkan dan menerusi bengkel ini ia akan menyusun rancangan tindakan bagi pelaksanaan tiga objektif strategi utama, iaitu mempromosikan dan melaksanakan pengurangan sampah (*waste minimization*) melalui konsep 3R (pengurangan, guna semula dan kitar semula) untuk mengurangkan jumlah sisa pepejal domestik dan sisa industri yang dilupuskan ke tapak pelupusan.

Kemudian, menggunakan teknologi sisa buangan ke tenaga (*waste to energy*) bagi mengurangkan penggunaan tanah untuk tapak pelupusan dan mengurangkan jumlah sampah yang perlu dilupuskan dan akhir sekali, meningkatkan pendidikan awam dan kesedaran kepada masyarakat umum dengan mempromosikan dan meningkatkan penyertaan mereka dalam inisiatif dan program yang berkaitan dengan 3R.

ODTF dalam pada itu ditubuhkan bagi membentuk peta jalan yang inklusif, menyeluruh dan koheren serta mengandungi pelan tindakan jangka masa panjang yang terperinci, pemboleh utama, garis masa, kunci petunjuk utama yang terperinci serta mekanisme pemantauan dan pelaporan bagi pelaksanaan kesemua 10 strategi yang terkandung di dalam Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, iaitu Pelepasan Industri; Liputan Hutan; Kenderaan Elektrik; Tenaga Lestari; Pengurusan Tenaga; Harga Karbon; Pengurusan Sisa; Kedayatahanan dan Adaptasi Perubahan Iklim; Inventori Karbon dan Kesedaran dan Pendidikan.



**YANG Mulia Timbalan Menteri Pembangunan semasa berucap pada majlis berkenaan.**

Draf pertama Dokumen Operasi Dasar Perubahan Iklim dijangka akan dihasilkan pada penghujung bulan Oktober dan akan dihadapkan kepada BNCCP.

Antara yang menyertai bengkel tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari dan Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

# COVID-19 : Jumlah sembuh 143 orang

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Oktober. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa tidak ada kes baharu jangkitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini, yang menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 kekal sebanyak 146 kes. Sementara itu, tiada kes aktif dilaporkan dan jumlah keseluruhan yang sembuh seramai 143 orang.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan juga turut mengongsikan mengenai Situasi Terkini bagi Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, iaitu seramai 270 orang masih menjalani pengasingan diri mandatori, manakala jumlah yang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak bulan Mac 2020 ialah seramai 6,632 orang.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 295 sampel ujian dijalankan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal yang dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 60,317 ujian.

Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan bagi orang ramai yang ingin mendapatkan ujian saringan SARS-CoV-2 (*swab test*), terutama sekali bagi mereka yang ingin membuat perjalanan ke luar negara, hendaklah menjalankan ujian saringan SARS-CoV-2 sekurang-kurangnya tiga ke lima hari sebelum tarikh penerbangan, tertakluk kepada syarat-syarat negara yang akan dituju.

Hasil bagi ujian berkenaan akan mengambil masa dan orang ramai hendaklah bersabar untuk mendapatkan keputusan ujian mereka.

Bagi orang ramai yang ingin mendapatkan ujian SARS-CoV-2 *swab* bagi perjalanan ke luar negara, bolehlah mendapatkan ujian tersebut di lokasi dan waktu seperti berikut, iaitu bagi Pusat Kesihatan Berakas, waktu operasi, Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali hari kelepasan awam), mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari; dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Manakala bagi Jumaat, Ahad dan hari-hari kelepasan awam, waktu beroperasi bermula dari jam 2.00 petang hingga 5.30 petang. Di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, waktu operasi dibuka setiap hari, mulai jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam. Kompleks akan ditutup pada hari kelepasan awam.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu *www.moh.gov.bn* atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

**Ringkasan Kes**

| Kes Baru Hari Ini | Jumlah Keseluruhan Kes | | |
|---|---|---|---|
| 0 | 146 | | |
| | Kes Aktif | Kematian | Sembuh |
| | 0 | 3 | 143 |

**Ringkasan Pengasingan Diri**

| Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori | Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020) |
|---|---|
| 270 | 6,632 |

**Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2**

| Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam | Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020) |
|---|---|
| 295 sampel | 60,317 |

| Lokasi | Hari Beroperasi | Waktu operasi bagi pengambilan Ujian COVID-19 |
|---|---|---|
| Pusat Kesihatan Berakas | Isnin – Khamis & Sabtu (Kecuali Hari Kelepasan Awam – *lihat di bawah*) | 8:00 pagi – 12:00 tengah hari dan 2:00 petang – 4:00 petang |
| | Setiap hari Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam | 2:00 petang – 5:30 petang |
| Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha | Setiap Hari *Tutup pada hari kelepasan awam | 7.00 pagi – 10.00 malam |




# Pengemaskinian pemakaian sungkup muka




**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Oktober. - Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada Khamis, 7 Safar 1442H bersamaan 24 September 2020M, mengenai langkah-langkah pengurangan kawalan (*de-escalation stages*) di negara ini berkenaan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara adalah masih dikekalkan dalam tahap keempat.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid mengemas kini semula panduan pemakaian sungkup muka di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara, sebagaimana saranan dan nasihat daripada Kementerian Kesihatan, selain daripada mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan sebelum ini.

Antara tatacara pemakaian sungkup muka yang dikemas kini untuk dipraktikkan semasa hadir ke masjid adalah seperti berikut

•Semasa menghadiri Sembahyang Fardu Jumaat, jemaah dan orang ramai adalah dimestikan untuk memakai sungkup muka dan dikehendaki untuk membuat penjarakan fizikal;

•Jemaah dan orang ramai adalah sangat digalakkan untuk memakai sungkup muka dan dikehendaki membuat penjarakan fizikal ketika hadir bagi menunaikan sembahyang fardu lima waktu;

•Jemaah dan orang ramai juga dimestikan untuk memakai sungkup muka dengan melaksanakan penjarakan fizikal semasa menghadiri Majlis-majlis Sambutan Hari Kebesaran Islam dan Hari Kebesaran Negara serta aktiviti takmir yang berskala besar, seperti Doa Kesyukuran sempena Hari Kebangsaan; Doa Kesyukuran sempena Hari Keputeraan; Majlis sempena Awal Tahun Baharu Hijrah; Majlis Khatam Al-Quran; Majlis Dikir Maulud 12 malam berturut-turut; Takbir Hari Raya; Doa Kesyukuran sempena Hari Guru; Doa Kesyukuran sempena Hari Perkhidmatan Awam; Doa Kesyukuran sempena Hari Belia Kebangsaan; Ceramah-ceramah; dan Tazkirah.

Jemaah dan orang ramai adalah sangat digalakkan untuk memakai sungkup muka dengan melaksanakan penjarakan fizikal ketika menghadiri aktiviti takmir masjid yang berskala kecil (di bawah 50 orang), seperti kelas ugama, kuliah, tazkirah mingguan dan lain-lain.

Sukacita ditekankan bahawa mengikuti setiap arahan yang dikeluarkan adalah merupakan sebahagian daripada langkah pengawalan yang berterusan bagi membendung penularan wabak COVID-19 ini.

Sehubungan dengan itu juga, jemaah dan orang ramai perlu mematuhi dan melaksanakan setiap tuntutan dalam garis pandu yang telah dikeluarkan.

# Memperkasa golongan OKU Penglihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Oktober. - Seramai 14 peserta, terdiri daripada kakitangan sektor kerajaan dan swasta, para sukarelawan, ahli-ahli persatuan bukan kerajaan, ibu bapa dan penjaga Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan juga orang persendirian menyertai Bengkel Braille, Orientasi dan Mobiliti Kali Kedua bagi Tahun 2020, yang diadakan selama lima hari.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian bengkel tersebut, berlangsung di Dewan Darul Imtiyaz, Pusat Bahagia Brunei dan Muara, Kampung Pulaie, di sini.

Perasmian bengkel berkenaan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari selaku tetamu kehormat.

Pemangku Ketua Bahagian OKU, Dayang Imawati bin Haji Mahir, dalam ucapan alu-aluannya, antara lain berkata,



**PEMANGKU Ketua Bahagian Orang Kelainan Upaya (OKU), Dayang Imawati bin Haji Mahir ketika berucap.**



**SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.**

di Negara Brunei Darussalam, golongan OKU Penglihatan mendapat perhatian di mata masyarakat dan kerajaan.

Tambahnya, mereka juga mempunyai hak kesaksamaan dan peluang untuk menjalani kehidupan, seperti anggota masyarakat lain.

Beliau, seterusnya berharap, bengkel tersebut akan memberikan manfaat kepada peserta-peserta bengkel kali kedua ini dan ia tetap mendapat sambutan pada masa akan datang, terutama sekali bagi golongan yang memerlukannya, seperti ibu bapa dan penjaga OKU Penglihatan, guru-guru, rakan sekerja, majikan, para sukarelawan dan *philanthropy*.

Ini, kerana menurutnya, kemahiran yang diperoleh daripada bengkel tersebut sedikit sebanyak akan dapat merubah pandangan kita mengenai OKU Penglihatan, malah akan memperkasa golongan OKU Penglihatan ke tahap tinggi lagi dalam pelbagai aspek.

"Janganlah pandang mereka dengan sebelah mata kerana ada antara mereka menjadi tokoh-tokoh yang berwibawa menandingi orang celik yang biasa. Pandanglah pada keupayaan mereka, bukan kepada kekurangan mereka," ujarnya lagi.

Acara diteruskan dengan taklimat kesedaran mengenai kesihatan mata, disampaikan oleh Timbalan Ketua Jabatan Opthalmology, Hospital RIPAS, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Noor Affizan binti Pengiran Haji Abdul Rahman.

Majlis disusuli dengan sesi kongsi pengalaman kehidupan seorang OKU Penglihatan, disampaikan oleh seorang individu OKU penglihatan, Awang Khairul Anuar bin Haji Abd. Ghafar, diikuti dengan persembahan nyanyian, bertajuk 'Namun ku Punya Hati', oleh Awang Jamary bin Danggat, merupakan seorang individu OKU penglihatan dan salah seorang tenaga pengajar bengkel berkenaan.



**SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), KKBS (kanan) semasa merasmikan Bengkel Braille, Orientasi dan Mobiliti Kali Ke-2.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

Bengkel anjuran KKBS melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan OKU, JAPEM; Unit Pendidikan Khas (UPK), Kementerian Pendidikan; Jabatan Ophthalmology, Kementerian Kesihatan; dan Unit Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Antara tujuan bengkel diadakan, untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan kemahiran menggunakan huruf Braille untuk berkomunikasi dengan OKU penglihatan dan membantu orang celik mempelajari teknik latihan orientasi dan mobiliti yang betul ketika menjadi pengiring atau jurupandu kepada OKU penglihatan agar dapat memperkasa OKU penglihatan untuk berdikari, bergerak dengan bebas dan selamat dalam persekitaran.

Setakat September 2020, seramai 232 orang berdaftar sebagai penerima Pencen Orang Buta di JAPEM, berbanding 241 orang penerima pada tahun 2019 dan 222 orang pada tahun 2018.

Ia dihasrat agar dapat meningkatkan pendedahan kepada masyarakat yang celik penglihatan bagi sama-sama mempelajari cara-cara yang betul dan selamat untuk membimbing OKU penglihatan dalam aktiviti seharian, seperti membimbing mereka ke pusat membeli belah, menggunakan kemudahan awam atau di tempat kerja.

# Doa Kesyukuran sempena Puja Usia Kebawah DYMM Raja Isteri



Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**MENTIRI**, Selasa, 6 Oktober. - Sebagai tanda kasih dan kesyukuran memperingati Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat.

Majlis berlangsung di rumah kediaman isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Dayang Nahriah binti Haji Awang Hasbi, di Kampung Sungai Besar, Jalan Kota Batu.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Datin Hajah Dayang Nahriah selaku Ketua Jawatankuasa Bahagian Keagamaan Kumpulan berkenaan.

Manakala bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas serta Doa Khatam Al-Quran dibacakan oleh isteri Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad.

Majlis disusuli dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh isteri Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Dayang Hajah Rogayah binti Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Abd. Wahid.



**KUMPULAN Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu semasa mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat (atas kiri dan atas).**

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran oleh isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Jamai'ah binti Haji Manap.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Datin Paduka Dayang Hajah Jahrah binti Haji Mohamad selaku Pengerusi II Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.

# TVET sumber penting untuk pembangunan sosioekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Oktober. - Lembaga Penguasa Pusat Serantau Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) bagi Pendidikan Vokasional dan Teknikal (SEAMEO VOCTECH - SV) mengadakan Mesyuarat Lembaga Penguasa SV Ke-31, di Bangunan Pusat SV, Gadong, di sini.

Mesyuarat yang diadakan secara maya itu, disertai oleh Anggota Lembaga Penguasa (Governing Board Members - GBM) dan Perwakilan dari 11 negara anggota SEAMEO, diikuti dengan Pembentangan Sesi Perkongsian pada sebelah petangnya bersama pembentang kertas kerja jemputan daripada rakan SV, seperti GIZ-RECOTVET, NISAI-Group; Labtech International Limited; juga Politeknik Brunei; dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, wakil Kementerian Pendidikan, Brunei Darussalam, Penolong Naib Canselor (Industri dan Perkhidmatan), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Awang Haji Ady Syarmin bin Haji Md. Taib; dan Pengarah Pusat SV, Awang Alias bin Haji Abu Bakar bersama pihak pengurusan dan kakitangan SV.

Lembaga Penguasa adalah badan pembuat dasar SV, diwakili oleh pegawai pendidikan utama dari Negara Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Kemboja, PDR Laos, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand, Timor Leste dan Viet Nam, di mana pihak lembaga menyetujui tiga resolusi, dan mengakui lima inisiatif juga laporan mengenai pelaksanaan program dan perkhidmatan pusat.

GBM adalah acara tahunan SV, berfungsi sebagai jalan untuk membincangkan isu-isu keutamaan pusat yang penting dalam melaksanakan mandatnya, dan bagi Lembaga Penguasa untuk mengkaji aktiviti juga pencapaian Pusat dan mengesahkan resolusi juga tindakan yang diambil oleh pusat.



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Penolong Naib Canselor (Industri dan Perkhidmatan), UTB, Awang Haji Ady Syarmin, dalam ucapannya, mengongsikan, tahun ini Pusat memasuki tahun kedua pelaksanaan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Kali Ke-6 SEAMEO VOCTECH, di mana Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) telah dianggap sebagai sumber penting untuk pembangunan sosio dan ekonomi.

Di peringkat serantau, baik di bawah SEAMEO dan ASEAN, jelasnya, TVET dianggap sebagai bidang utama, di mana di bawah SEAMEO, TVET menjadi bidang keutamaannya dalam agenda pendidikan hingga tahun 2035 yang telah diletakkan di bawah Keutamaan (Priority) No.4, sementara di bawah Pelan Kerja ASEAN mengenai Pendidikan 2016 - 2020, TVET berada di bawah Matlamat Strategik No.4.

Baru-baru ini, tambahnya, ASEAN membuat Peta Jalan Deklarasi ASEAN (Roadmap of ASEAN Declaration) mengenai 'Pembangunan Sumber Manusia untuk Dunia Pekerjaan yang Berubah', di mana SV akan memainkan beberapa peranan, termasuk Bidang Hasil Utama 1 mengenai Budaya Pembelajaran Sepanjang Hayat yang Dipupuk dan Bidang Hasil Utama 2 mengenai Peningkatan Inklusif Pendidikan dan Pekerjaan untuk Semua.

Dalam konteks serantau, jelasnya lagi, beliau turut memahami bahawa SEAMEO VOCTECH akan bekerjasama dengan ASEAN TVET Council (ATC), yang ditubuhkan baru-baru ini, untuk menangani isu-isu semasa TVET, di rantau ini.



**SUASANA Mesyuarat Lembaga Penguasa SV Ke-31, di Bangunan Pusat SV, Gadong yang diadakan secara maya (kiri dan atas).**

Sementara itu, menerusi ucapan mukadimah daripada Pengarah Sekretariat SEAMEO, Dr. Ethel Agnes P Valenzuela, menjelaskan, GBM adalah tonggak penting bagi semua Pusat SEAMEO kerana melaluinya pihak sekretariat dapat mengemas kini mengenai pencapaian dan cadangan kementerian juga dapat memberikan input dan nasihat kepada semua Kementerian Pendidikan mengenai Pusat SEAMEO dalam memastikan kesesuaian juga responsiviti program dan projek pusat berkenaan.

Sejak April 2020, Sekretariat SEAMEO mengadakan banyak Webinar, satu e-Forum Menteri, satu Forum Tahunan Rasmi Tinggi untuk Pendidikan Asas dan empat Siri Kuliah SEA-Guru-TVET.

Ia dilaksanakan sebagai sebahagian daripada pendekatan serampang (*multi-pronged*) untuk memastikan bahawa pelajar di Asia Tenggara mempunyai sumber maklumat yang sangat diperlukan secara konsisten dan boleh dipercayai dalam talian.

Selain itu, SV sentiasa menyokong program pertukaran pelajar SEA-TVET dengan menyumbangkan penyertaan sumber tenaga untuk menyertai program berkenaan, namun disebabkan berlakunya pandemik COVID-19 di seluruh dunia ketika ini, pihak sekretariat tidak dapat melaksanakan program mobiliti tersebut, yang melibatkan Program Pertukaran Pelajar dan Guru SEA-TVET dan ditangguhkan ke tahun 2021.

Dengan itu, Sekretariat SEAMEO percaya bahawa, dengan bersama-sama berganding bahu akan dapat mencapai visi mereka untuk meningkatkan pemahaman juga kerjasama serantau dalam pendidikan, sains dan budaya untuk kualiti hidup yang lebih baik, di Asia Tenggara.

# PEKERTI anjur Doa Kesyukuran



PEKERTI semasa mengadakan Majlis Sembahyang Berjemaah, membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran bagi Sambutan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**GADONG**, Selasa, 6 Oktober. - Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) mengadakan Majlis Sembahyang Berjemaah, membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran bagi Sambutan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bertempat di Surau Rumah Aman, Kediaman Rasmi Pesuruhjaya Polis, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah isteri Pesuruhjaya Polis selaku Yang Dipertua PEKERTI, Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman.

Turut hadir ke majlis tersebut adalah Pengerusi PEKERTI, Datin Hajah Siti Shamsiah binti Haji Abd. Samad; Pengerusi Keugamaan PEKERTI, Hajah Sarimah binti Haji Abd. Rahman, Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEKERTI dan Ahli-Ahli dari ketujuh - tujuh cawangan PEKERTI.

Seramai 120 orang Ahli-ahli PEKERTI ikut serta dalam acara sembahyang berjemaah dari ketujuh-tujuh cawangan di bawah PEKERTI. Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat khusus Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan Doa Kesyukuran, diikuti dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh W/Lance Koperal 5621 Siti Aimi binti Ali Rahman.

Majlis ini adalah salah satu aktiviti tahunan PEKERTI dan dikendalikan oleh Badan Keugamaan PEKERTI. Ia adalah bertujuan untuk memperingati Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri di samping meningkatkan hubungan silaturahim di antara semua ahli.

# Pemedulian orang ramai bantu siasat kes jenayah

**Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**TUTONG**, Selasa, 6 Oktober. - Sikap pemedulian orang awam telah membantu siasatan pihak Polis bila mana pengadu melaporkan seorang lelaki sedang tidur di kawasan luar Dewan Bukit Beruang, Tutong.

Anggota Polis dari Balai Polis Tutong bertindak pergi ke tempat yang dilaporkan dan mendapati seorang lelaki tidur dan setelah pemeriksaan dibuat terhadap lelaki tersebut telah mendapati beberapa barang yang disyaki barang curi.

Daripada penemuan barang-barang tersebut, pihak Polis mendapati ada laporan dilaporkan berhubung kecurian barang-barang tersebut di beberapa buah rumah, pejabat kerajaan dan masjid di kawasan Tutong serta Sungai Liang.

Suspek adalah warganegara tempatan, berumur 18 tahun, tidak mempunyai pekerjaan dan pada 5 Oktober lalu, suspek dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan dan kes ini disiasat di bawah Seksyen 380 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, iaitu mencuri di dalam rumah kediaman atau bangunan, Seksyen 380(A) iaitu mencuri di rumah ibadah, Seksyen 426, iaitu rosak barang dan Seksyen 447, iaitu ceroboh.

Hasil daripada sebutan kes hari ini, pihak mahkamah menetapkan bagi suspek direman di Penjara Maraburong sehingga sebutan kes semula pada 7 Oktober 2020 di Mahkamah Perantaraan Bandar Seri Begawan.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menyarankan kepada orang ramai agar sentiasa memberikan maklumat dan kerjasama yang berterusan kepada PPDB dalam sama-sama membanteras jenayah di Negara Brunei Darussalam.

# Sertai Golden Ribbon Challenge

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kumpulan Ketiga Kohort EDPSGO Ke-28**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 7 Oktober. - Salah satu kumpulan peserta daripada Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan (EDPSGO) Ke-28 memulakan projek komuniti yang digelar sebagai Golden Ribbon Challenge (Cabaran Reben Emas), yang akan dilancarkan dalam talian melalui Instagram bermula hari ini.

Golden Ribbon Challenge merupakan satu gerakan kebajikan sosial, bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai perlunya mengambil langkah pertama dan memberikan jasa baik secara berterusan kepada mereka yang memerlukan, khususnya kepada warga emas.

Golden Ribbon Challenge diharap dapat meningkatkan sokongan padu daripada orang ramai untuk mengganding usaha-usaha yang sedia ada, daripada kedua-dua agensi, iaitu kerajaan dan bukan kerajaan, dalam membantu warga emas yang memerlukan bantuan.

Ini juga sejajar dengan matlamat kedua Wawasan Brunei 2035, iaitu meningkatkan kualiti gaya kehidupan di negara ini.

Bagaimana Golden Ribbon Challenge berfungsi? Golden Ribbon Challenge dapat diaktifkan oleh mana-mana individu atau sekumpulan individu yang menyahut cabaran dengan melakukan langkah-langkah, seperti berikut, iaitu kenal pasti dan cari warga emas berumur 60 tahun ke atas, dengan kriteria berikut : Ahli keluarga yang tertua; Warga emas yang memerlukan bantuan; Warga emas yang tinggal seorang atau Persatuan Warga Emas.

Orang ramai boleh memilih 'Pilihan Cabaran', seperti berikut, iaitu bersiar-siar bersama orang tua dalam keluarga awda; luangkan masa berkualiti bersama keluarga; jalin hubungan silaturahim dan berkenalan dengan mana-mana ahli warga emas; hulurkan sokongan bantu dan sumbangan kepada mereka yang memerlukan bantuan; atau laksanakan aktiviti kecergasan, seperti *burpees* / *sit-up* sebanyak 30 kali dalam jangka masa 60 saat; dan berikan sahutan dengan menggunakan tag *@goldenribbonchallengebn* dan *hashtag #BeTheChangeBN* untuk menunjukkan sokongan padu terhadap tujuan cabaran tersebut.

Format Penyertaan Cabaran, dengan membawa reben emas, ambil gambar atau video, kemudian gunakan pilihan kapsyen, seperti Bersiar-siar bersama ahli keluarga yang lebih tua; Tolonglah warga emas hari ini; atau Berteman dengan warga emas; seterusnya muat naik ke Instagram awda dan masukkan Kapsyen foto / video awda dengan membubuh *@goldenribbonchallengebn* dan *#BeTheChangeBN*.

Tempoh cabaran bermula dari 7 hingga 21 Oktober 2020. Pengumuman bagi tiga orang pemenang dan pengambilan 'Hadiah Misteri' akan diumumkan pada bulan November 2020.

Golden Ribbon Challenge tercetus semasa Lawatan sambil Belajar oleh Kumpulan EDPSGO Ke-28 ke agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, yang berperanan menyediakan bantuan dari segi program dan perkhidmatan kepada mereka yang memerlukan.

Lawatan tersebut memberikan kesedaran mendalam mengenai kepentingan adanya pendekatan secara seluruh negara dalam bekerjasama untuk memastikan sokongan yang holistik dan berdaya tahan ke arah menangani masalah juga cabaran sosial semasa.

Selain itu, yang paling berharga lagi adalah tanggungjawab bersama dan peranan penting yang dapat dimainkan oleh setiap individu atau sekumpulan individu untuk mencapai sesuatu yang luar biasa, terutama sekali dalam membuat perubahan dalam kehidupan mereka yang memerlukan ke arah mencapai masa depan yang terbaik.

Pilihan peribadi setiap insan akan dapat membuka peluang dan akses bagi kalangan masyarakat, seperti warga emas mahupun golongan seperti mereka yang berkeperluan khas atau kurang upaya, keluarga susah, dan rakan seliaan, melalui tindakan murni juga jasa kebaikan, melalui dukungan memperkasa dan sokongan padu rakan sebaya tanpa syarat.

EDPSGO Ke-28 ini, adalah program selama tiga bulan, anjuran di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dan tahun ini, bekerjasama dengan Universiti Teknologi Brunei (UTB).




Dengan tema 'Inovasi Sektor Awam', program ini diharap dapat menghasilkan perkhidmatan awam yang efektif dan moden, yang menyokong pembangunan negara dan meningkatkan keberkesanan peraturan juga prosedur pemerintah untuk memastikan keputusan dapat dilaksanakan dengan segera dan untuk menyediakan masyarakat berkualiti tinggi perkhidmatan.

Penyertaan orang ramai adalah pencetus utama untuk memastikan kejayaan Golden Ribbon Challenge. Oleh itu, orang ramai diharap akan menyahut dan ikut serta dalam cabaran tersebut, bertindaklah dengan baik dan buatlah perubahan dalam kehidupan warga emas yang memerlukan bantuan juga perhatian.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Golden Ribbon Challenge, layari blog *https://goldenribbonchallengebn.wordpress.com* atau Instagram : *GoldenRibbonChallengeBN* atau Facebook : *GoldenRibbon ChallengeBN*.

# Pastikan mendaki dalam keadaan sihat

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat



ANGGOTA bomba bertindak dengan mengangkat mangsa menggunakan Bucket Stretcher.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Oktober. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menerima panggilan kecemasan bagi membantu menurunkan pesakit pada jam 3.24 petang di Bukit Saeh, Jalan Lumapas, kelmarin.

Seramai enam orang anggota bomba dari Balai Bomba Sungai Kebun dikerahkan ke lokasi insiden yang diketuai oleh ABK 560 Haji Ali bin Haji Mohd Noor.

Semasa tiba di tempat insiden, anggota bomba bertindak dengan mendaki bukit tersebut sehingga menuju ke Check Point 11 dan mendapati seorang mangsa perempuan dalam keadaan yang lemah.

Anggota bomba bertindak dengan mengangkat mangsa menggunakan Bucket Stretcher kemudian mangsa diserahkan kepada pihak paramedik untuk tindakan selanjutnya.

Sehubungan itu, pihak JBP menyarankan kepada orang ramai yang mengikuti aktiviti mendaki atau *hiking* agar membawa peralatan seperti wisel, lampu suluh, telefon bimbit dan juga air. Selain itu, pastikan mengetahui keadaan cuaca yang terkini sebelum meneruskan hasrat membuat aktiviti mendaki.

Seterusnya, JBP juga menasihatkan supaya jangan mendaki bukit secara berseorangan ditakuti perkara yang tidak diingini berlaku dan akhir sekali, jika awda merasa tidak sihat, jangan meneruskan aktiviti pendakian.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungan terus Talian Kecemasan 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.

# Lelaki 17 tahun dipercayai lemas



ANGGOTA bomba dari Balai Bomba Tutong Cawangan Operasi 'E' dan Unit Penyelam JBP dikerahkan ke lokasi insiden untuk mencari dan menyelamat orang lemas. Gerakan operasi tersebut diketuai oleh ABK 177, Francis.

**TUTONG**, Isnin, 5 Oktober. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menerima panggilan kecemasan berikutan kejadian kecemasan yang berlaku di kawasan Tanjong Maya, Tutong pada jam 11.39 pagi, 4 Oktober.

Seramai 12 orang anggota bomba dari Balai Bomba Tutong Cawangan Operasi 'E' dan Unit Penyelam JBP dikerahkan ke lokasi insiden untuk mencari dan menyelamat orang lemas. Gerakan operasi tersebut diketuai oleh ABK 177, Francis.

Semasa sampai di lokasi kejadian, didapati mangsa adalah seorang lelaki, berumur 17 tahun dan dipercayai lemas. Anggota bomba bertindak mencari dan menyelamat (*search and rescue*) di kawasan tebing-tebing sungai.

Seterusnya, anggota bomba bertindak dengan menggunakan ASRE (Aquatic Search and Recovery Equipment) untuk mencari mangsa di dalam air.

Operasi dan menyelamat tersebut diberhentikan dan disambung pada Isnin, 5 Oktober memandangkan keadaan cuaca yang tidak mengizinkan namun dalam masa yang sama pemantauan tetap terus dijalankan.

Sehubungan itu, JBP, menekankan kepada orang ramai agar memastikan tahu akan keadaan cuaca dari semasa ke semasa. Kemudian memastikan untuk memeriksa keadaan bot sebelum menggunakannya dan jangan menggunakan bot tersebut jika ada tanda-tanda kerosakan.

Apa yang penting, pastikan untuk sentiasa memakai jaket keselamatan semasa berada di dalam bot sama ada semasa menjalankan aktiviti - aktiviti memancing atau sebagainya.

Jika berlaku sebarang insiden, hubungi Talian Kecemasan 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.

# 15 anggota PPDB sertai Program Pembangunan Kapasiti



PEMANGKU Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), ACP Haji Mohammed Fadzillah bin Haji Ismail semasa hadir pada Majlis Pembukaan Rasmi Program Pembangunan Kapasiti bagi Pengurusan Pertengahan PPDB 2020 Ke-1, 2020.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**GADONG**, Isnin, 5 Oktober. - Seramai 15 pegawai kanan yang mempunyai lebih dari 10 tahun pengalaman bertugas di pelbagai bidang di dalam Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengikuti Program Pembangunan Kapasiti bagi Pengurusan Pertengahan PPDB 2020 Ke-1, 2020 secara sepenuh masa, yang akan berjalan selama lima minggu, iaitu empat minggu pembelajaran teori dan satu minggu pembelajaran *experiential* (luar).

Hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan majlis pembukaan program tersebut ialah Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, ACP Haji Mohammed Fadzillah bin Haji Ismail.

Majlis yang diadakan pada jam 9.30 pagi di Bilik Persidangan Setia Raja, Mes Pegawai Polis Gadong itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis, Doa Selamat dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Program ini adalah hasil kerjasama PPDB dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) yang diolah khusus mengikut kehendak dan keperluan pasukan bagi para pegawai pengurusan pertengahan yang berupa pengetahuan lanjutan mengenai dasar dan urus tadbir, kepimpinan dan pengurusan sumber tenaga manusia, pengurusan insiden bencana dan pengurusan media.

Terdahulu, dalam ucapan ACP Haji Mohammed Fadzillah, adalah menjadi harapan pasukan terhadap para pegawai yang menyertai program ini akan dapat memberikan komitmen penuh dan mengambil peluang ini dalam memperbaiki dan mencabar diri dalam aspek-aspek yang diperlukan oleh pasukan bagi persediaan mereka untuk menggalas tanggungjawab yang lebih berat dan mencabar pada masa hadapan kelak.

Para pegawai yang menyertai program ini juga akan diberi pendedahan lanjutan terhadap pelaksanaan dasar-dasar kerajaan Negara Brunei Darussalam. Program ini diselitkan juga dengan modul kepimpinan dan pengurusan menurut nilai-nilai kefahaman Islam.

Objektif utama program ini adalah untuk menaik taraf pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang khusus dan bersesuaian, yang akan memandu para pegawai dalam menjalankan tugas dan tanggung-jawab masing-masing dengan lebih berkesan dan terarah bagi para pegawai yang berada di bahagian pengurusan pertengahan pasukan.

Program ini juga akan mencabar para pegawai, di mana mereka akan berhadapan serta diuji dengan tekanan-tekanan dan situasi di luar zon selesa masing-masing.

# Program CARAT Ke-26 dirasmikan





**KETUA Staf, Markas Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Leftenan Kolonel Saifulrizal bin Abd. Latif semasa hadir pada Majlis Pembukaan Program CARAT 2020 Ke-26 di antara ABDB dan Tentera Laut Amerika Syarikat (TLAS) (kiri dan atas).**

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Kementerian Pertahanan**

**MUARA**, Isnin, 5 Oktober. - Majlis Pembukaan Program Cooperation Afloat Readiness and Training (CARAT) 2020 Ke-26 di antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Tentera Laut Amerika Syarikat (TLAS) dirasmikan hari ini oleh Ketua Staf, Markas Angkatan Bersama, ABDB, Leftenan Kolonel Saifulrizal bin Abd. Latif di Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan, Pusat Latihan Tentera Laut, Muara.

Program ini dipengerusikan bersama oleh ABDB dan TLAS, di mana mewakili TLAS secara dalam talian ialah Commodore, Commander, Destroyer 7 (COMDERSON SEVEN), Kapten Ann McCann USN. Turut hadir adalah Ketua Pejabat Pertahanan TLAS, Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam (NBD), Komander Randall D Jones serta peserta daripada unit - unit yang berkenaan dari kedua-dua buah negara.

Aktiviti CARAT tahun ini akan dilaksanakan melalui fasa laut dan darat di mana sebahagian besar akan dikendalikan secara dalam talian termasuk simposium perubatan, simposium perundangan, *force protection training*, *women's interaction program* dan *senior enlisted engagement*.

Semasa majlis pembukaan, Leftenan Kolonel Saifulrizal bin Abd Latif menekankan bahawa cetusan pandemik secara global tidak melemahkan semangat di antara kedua-dua buah negara dalam melaksanakan program CARAT 2020 seperti yang telah dirancang.

Walaupun belum pernah terjadi sebelum ini, pihak perancang latihan telah merancang program latihan bagi memastikan ia dapat dilaksanakan untuk mencapai matlamat dan dalam masa yang sama mengikut garis pandu yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dengan tujuan untuk mengawal penularan jangkitan wabak COVID-19.

Pelaksanaan program tahunan CARAT bertujuan untuk meningkatkan *interoperability*, profesionalisme dan kemahiran anggota - anggota kedua - dua angkatan tentera serta agensi- agensi yang terlibat dalam menangani isu-isu keselamatan yang mempunyai kepentingan bersama. Latihan CARAT Ke-26 ini akan diadakan sehingga 9 Oktober 2020.



## Apa Pendapat Biskita?

# Lepak : Remaja mudah terjebak

**KITA** akan melihat bagaimana budaya lepak menimbulkan kesan negatif dalam masyarakat kita. Budaya merupakan cara hidup yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat. Budaya merangkumi segala aspek kehidupan termasuklah perlakuan, tutur kata, cara berpakaian, ekonomi, politik dan sebagainya. Budaya lepak pula ialah budaya yang diamalkan oleh generasi muda, terutama di bandar-bandar besar. Lepak bermakna membuang masa tanpa melakukan sesuatu yang bermanfaat. Budaya ini diterima dari luar serta meninggalkan kesan negatif kepada masyarakat dan juga negara kita, terutama dalam kalangan generasi muda kita hari ini. Apa pendapat orang ramai pula tentang budaya lepak ini menerusi Apa Pendapat Biskita pada kali ini.

"Budaya lepak memang budaya negatif dan bertentangan dengan budaya tempatan. Mengapa saya mengatakan demikian? Hal ini demikian kerana budaya lepak mengajak remaja membuang masa di pusat beli-belah atau di tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai tanpa arah dan tujuan. Dengan kata lain, budaya ini menganjurkan remaja kita membuang masa daripada melakukan kerja-kerja yang berfaedah untuk diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Budaya masyarakat kita tidak pernah mengajar kita supaya membuang masa, sebaliknya budaya kita mengajar kita menghargai masa. Dalam masyarakat Melayu ada pepatah yang berbunyi 'Masa itu emas'. Peribahasa ini menggambarkan kepada kita bahawa budaya kita menghendaki kita menghargai masa dan bukannya menghabiskan masa di tempat-tempat tidak berfaedah. Oleh itu, jelaslah bahawa budaya lepak ialah budaya negatif yang memesongkan kita daripada budaya yang sebenarnya". **- Haji Affendi Alias Haji Syawal, Meragang Villa.**

"Budaya lepak yang diamalkan oleh remaja kita bertentangan dengan budaya masyarakat negara kita. Dari segi pergaulan, budaya Timur atau budaya tempatan mengehadkan pergaulan antara lelaki dan perempuan. Pendek kata tidak ada pergaulan bebas yang dibenarkan dalam budaya tempatan untuk mengelakkan perkara-perkara sumbang daripada berlaku dalam masyarakat. Dalam budaya lepak yang diamalkan hari ini pula, pergaulan bebas antara remaja lelaki dan perempuan merupakan perkara yang menjadi amalan para belia dewasa ini. Konflik ini menyebabkan remaja lebih gemarkan mengamalkan budaya lepak kerana mereka memperoleh keseronokan sehingga melanggar batas sosial yang telah ditetapkan dalam budaya kita. Kesannya, pasti negatif akibat pergaulan bebas yang diamalkan oleh generasi muda hari ini. Tidak hairanlah sejak kebelakangan ini banyak kes pembuangan anak kecil berlaku akibat banyak remaja yang melakukan hubungan seks bebas dengan pasangan masing-masing. Perkara ini berlaku kerana kesan budaya lepak terhadap para belia hari ini. Akibatnya, banyak remaja kini sudah tidak mengenali nilai-nilai murni yang terdapat dalam budaya tempatan". **- Wardinah binti Awang Said, Berakas.**

"Budaya lepak, mungkin tidak semuanya mendatangkan keburukan jika ia disertai dengan batas-batas tertentu dan diawasi dalam pergaulan, namun jika ia tidak dipantau terutama oleh ibu bapa atau penjaga, budaya lepak juga mampu menimbulkan kes jenayah dan maksiat. Banyak remaja dewasa ini melepak tanpa arah dan tujuan, terutama sekali semasa cuti persekolahan dan cuti penggal akhir semasa cuti panjang. Jika remaja-remaja ini melakukan kerja-kerja yang berfaedah, sudah tentulah akan menguntungkan diri mereka sendiri, masyarakat dan juga negara. Akibat melepak tanpa arah tujuan, banyak remaja kita hari ini terlibat dalam gejala-gejala negatif seperti menghisap dadah, mengedarkan dadah, merokok dan sebagainya, bahkan bagi mereka, rokok sudah menjadi simbol kedewasaan golongan ini. Namun rokok juga membawa kepada ketagihan dadah. Gadis remaja pula sanggup menggadaikan maruah diri, mereka begitu mudah dibawa oleh kenalan baharu sungguhpun tidak mengenali latar belakang teman baharu dengan mendalam. Inilah yang menjadikan masyarakat kita terancam dan semakin terancam oleh kes-kes sebegini. Oleh itu, jelaslah bahawa budaya lepak bersifat negatif, tidak menguntungkan serta bertentangan dengan budaya tempatan dan sebagai ibu bapa, kita perlu mengikis budaya sebegini dengan mengambil langkah-langkah yang tegas bagi menghapuskan budaya negatif ini daripada melanda masyarakat kita". **- Azahari Manaf, Muara.**

Pada pandangan saya selaku penulis ruangan ini, sebenarnya, faktor penyebab serta implikasi buruk masalah tingkah laku kurang sihat ini adalah sangat jelas dan terang. Atau adakah kerana ibu bapa terlalu sibuk bekerja sehingga anak-anak terbiar dan memberontak akibat kekurangan kasih sayang yang kemudiannya menjerumuskan mereka ke dalam kancah yang tidak sihat? Atau mungkin juga kerana kemewahan hidup keluarga yang dinikmati menjadi punca utama masalah sosial remaja lebih memilih menghabiskan masa mereka dengan melepak di tempat-tempat mewah, kafe-kafe dan sebagainya. peranan ibu bapa adalah amat penting dalam memberikan perhatian yang serius terhadap anak-anak mereka. Ibu bapa mestilah memperhatikan setiap gerak-geri atau pergerakan anak-anak mereka. Ibu bapa hendaklah sentiasa mengetahui dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh anak mereka serta sanggup meluangkan masa untuk mengatasi masalah tersebut. Ibu bapa juga seharusnya mengetahui rakan-rakan anak mereka dan sentiasa memastikan bahawa mereka berkawan dan bergaul dengan mereka yang mempunyai kedudukan moral. Ibu bapa hendaklah menjadi *role model* kepada anak.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
*pelita.brunei@information.gov.bn*

**i. Halangan, Cabaran Industri Pelancongan.**
**ii. Kesan Pelancongan Terhadap Budaya Tempatan.**

## Kenali Bahasa Brunei

**ampai-ampai bermaksud**
1. terletak di sesuatu tempat dan mudah dilihat.
Contoh pemakaian kata : dari antadi kubaunjar buku ah, rupanya **ampai-ampai** di mija ani.
2. terbaring atau terlantar.
Contoh pemakaian kata : batah sudah ia sakit atu, **ampai-ampai** nganya ia di rumah inda lagi bajalan.

**mangampiti** bermaksud membagi atau memberi seseorang sebahagian daripada sesuatu seperti makanan atau tanah.
Contoh pemakaian kata :
a. bapa **mangampiti** jua ia tanah, waima tia ia atu anak angkat.
b. sangkut ia kan adinya atu, **mangampiti** tah jua ia makanan.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

## Selera Kampung Kitani

## KAMPUNG PIASAU-PIASAU




Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

### PIYAI MASAK UDANG GALAH

**BAHAN-BAHANNYA :**

Daun piyai secukupnya
Udang galah
5 ulas bawang putih (dihiris)
10 ulas bawang merah (dihiris)
Garam dan serbuk perasa
Minyak
Air

**CARA MEMBUATNYA :**

Panaskan periuk dan masukkan sedikit minyak untuk menumis. Setelah itu, masukkan bawang merah dan putih masak sehingga naik bau. Kemudian masukkan udang galah dan daun piyai lalu gaul rata. Kemudian masukkan air dan biarkan selama 5 - 7 minit. Selepas itu, tutup api dan masukkan garam dan serbuk perasa secukupnya.

KEMENTERIAN KESIHATAN

BILANGAN TAWARAN
KK / 108 / 2020 / 2021 / UPP (TC)

KETERANGAN
THE PROVISION OF CLEANING SERVICES AND GROUP MAINTENANCE SERVICES FOR CHILD DEVELOPMENT CENTRE (CDC), KG. KIARONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

YURAN TAWARAN BND30.00

BILANGAN TAWARAN
KK / 109 / 2020 / 2021 / UPP (TC)

KETERANGAN
SUPPLY AND DELIVERY OF IMPLANTS FOR CEMENTED BI-POLAR HIP REPLACEMENT AND CEMENTLESS BI-POLAR HIP REPLACEMENT FOR DEPARMENT OF ORTHOPEADIC, RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS

YURAN TAWARAN BND10.00

BILANGAN TAWARAN
KK / 110 / 2020 / 2021 / UPP (TC)

KETERANGAN
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL ITEM (HYDROXYAPATITIE BONE GRAFT) FOR DEPARMENT OF ORTHOPEADIC, RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS

YURAN TAWARAN BND30.00

BILANGAN TAWARAN
KK / 111 / 2020 / 2021 / ESTETMOH

KETERANGAN
RENOVATION OF ILLICIT DRUG, SECOND FLOOR, OLD WING, BANGUNAN PERKHIDMATAN SAINTIFIK, KEMENTERIAN KESIHATAN

Eligibility For Tenderers :
Registered With Ministry Of Health And Ministry of Development

Class: I and above
Category:
B01, M01, E01, E02 & E03

YURAN TAWARAN BND10.00

BILANGAN TAWARAN
KK / 112 / 2020 / 2021 / PHARM(TC)

KETERANGAN
SUPPLY AND DELIVERY OF PLASTIC MEDICINE BOTTLES FOR DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

YURAN TAWARAN BND30.00

BILANGAN TAWARAN
KK / 113 / 2020 / 2021 / ESTETMOH(TC)

KETERANGAN
THE PROVISION OF PREVENTIVE AND CORRECTIVE MAINTENANCE SERVICES FOR HEATING, VENTILATION, AIRCONDITIONING (HVAC SYSTEM) AND EXHAUST VENTILATION FAN AT PENGIRAN ISTERI HAJAH MARIAM (PIHM) HOSPITAL, TEMBURONG DISTRICT AND HEALTH CENTRE AND CLINICS IN THE BRUNEI MUARA FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

Kelayakan Pemborong / Pembekal :
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan

YURAN TAWARAN BND50.00

BILANGAN TAWARAN
KK / 114 / 2020 / 2021 / ESTETMOH(TC)

KETERANGAN
THE PROVISION OF PREVENTIVE AND CORRECTIVE MAINTENANCE SERVICES FOR HEATING, VENTILATION, AIRCONDITIONING (HVAC SYSTEM) AND EXHAUST VENTILATION FAN AT MINISTRY OF HEALTH COMPLEX BUILDINGS, DEPARTMENT OF SCIENTIFIC SERVICES (SERASA BRANCH) AND HALAL SCIENCE LABORATORY (ANGGEREK DESA) FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

Kelayakan Pemborong / Pembekal :
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan

YURAN TAWARAN BND50.00

BILANGAN TAWARAN
KK / 115 / 2020 / 2021 / JPK

KETERANGAN
PROJEK PENDAWAIAN BAHARU DI PUSAT KESIHATAN TELISAI TUTONG

Kelayakan Pemborong / Pembekal :
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan

Klass: I dan II

YURAN TAWARAN BND10.00

BILANGAN TAWARAN
KK / 116 / 2020 / 2021 / HTD (TC)

KETERANGAN
THE PROVISION OF LEASING DIGITAL MAMMOGRAPHY WITH COMPREHENSIVE MAINTENANCE SERVICES FOR RADIOLOGY DEPARTMENT MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF SEVEN (7) YEARS

YURAN TAWARAN BND500.00

BILANGAN TAWARAN
KK / 118 / 2020 / 2021 / PHARM(TC)

KETERANGAN
SUPPLY AND DELIVERY OF THERMAL TRANSFER LABELS WITH PRINT [RECTANGLE SIZE 76MM (LENGTH) X 40MM (WIDTH)] - FOR BRU-HIMS USE FOR DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

YURAN TAWARAN BND10.00

BILANGAN TAWARAN
KK / 119 / 2020 / 2021 / HTD

KETERANGAN
SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING INFANT INCUBATOR FOR MINISTRY OF HEALTH

YURAN TAWARAN BND30.00

BILANGAN TAWARAN
KK / 120 / 2020 / 2021 / ESTETMOH

KETERANGAN
THE PROVISION OF COLLECTION AND INCINERATION SERVICES FOR HAZARDOUS HEALTH-CARE WASTE UNDER MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF ONE (1) YEAR

Kelayakan Pemborong / Pembekal :
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan

YURAN TAWARAN BND10.00

TARIKH TUTUP
20 OKTOBER 2020
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG
DI GENERAL SECRETARIAT OF THE ORGANIZATION OF THE ISLAMIC COOPERATION (OIC) IN JEDDAH, SAUDI ARABIA

JAWATAN

1. Professional Officer, Political Affairs Department, OIC General Secretariat in Jeddah

2. Professional Officer, Political Affairs Department African Affairs Section, OIC General Secretariat in Jeddah

**Tarikh Tutup**
**31 Oktober 2020**

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat bolehlah menghadapkan surat permohonan kepada Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa melalui e-mel : *dio@mfa.gov.bn*

Untuk maklumat lanjut mengenai dengan jawatan tersebut, sila layari laman *web* : *https://www.oic-oci.org/vacancies/?lan=en*

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG
DI SEKRETARIAT KOMANWEL LONDON

JAWATAN

Adviser Sport for Development and Peace, Economic, Youth and Sustainable Development Directorate

**Tarikh Tutup**
**8 Oktober 2020**

Untuk maklumat lanjut mengenai dengan jawatan tersebut, sila layari laman *web* : *https://thecommonwealth.org/jobs*

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : II & III SAHAJA
KATEGORI :
KA01 & M03 SAHAJA - (KOD BAHARU)

TARIKH TUTUP :
3 NOVEMBER 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSKB 019 / 2020

NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL BAGI OPERASI DAN PENYELENGGARAAN UNTUK TIGA PAM SALIRAN DI JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

BAGI TEMPOH 18 BULAN

NO. PROJEK :
2020ADKB / B00411 / 002-003-007

YURAN TAWARAN :
BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tarikh tutup pada :
**3 November 2020**
**Selasa sebelum jam 2.00 Petang.**

(Ditutup di
Pejabat Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian Pembangunan
Lapangan Terbang Lama Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam).

**JASTRE / BL / T023 / 2020**

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI JALAN GADONG (STESEN JANA KUASA) KE PENGHUJUNG JAMBATAN GADONG DARI JAMBATAN JALAN JAME' 'ASR KE PUSING KELILING JAME' 'ASR DAN BERDEKATAN KAWASAN MASJID JAME' 'ASR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN**

NO. PROJEK :
JASTRE / BL / T023 / 2020

**JASTRE / BL / T024 / 2020**

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI JALAN SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIEN DAN DI JALAN-JALAN PILIHAN DI BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN**

NO. PROJEK :
JASTRE / BL / T024 / 2020

KELAS II, III, IV & V

KATEGORI KPB12

JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND30.00
(tidak dikembalikan)

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

**BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA [BKBN]**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

**KONTRAK PENGGAL TIGA (3) TAHUN PENYEWAAN MESIN FOTOKOPI (SECARA AD-HOC) BAGI PENGGUNAAN DI KEM LATIHAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN), BATU APOI, TEMBURONG.**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**26 / SEPTEMBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 20**

**TARIKH TUTUP :**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang, Khamis, 15 Oktober 2020.**

MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**NO. LA / BSB / 464 / 2018**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MD ZAIN BIN HAJI MOHIDDIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI MOHIDDIN BIN HAJI MOMIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **13 OKTOBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 29 September 2020.

**(MOHAMMAD FIKRI FATHUDDIN BIN ASSOKAN )**
Penolong Pegawai Waris
Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**KES NO. BCY / CP / 559 / 2019**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
- Pemiutang / Pemetisyen

**MOHAMMAD NORUL FARDLEY BIN HAJI MD. JAYA**
**(BYIC No. 00-280790)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 6 Ogos 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-3) Mahkamah Besar** pada **8 Oktober 2020, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **8 Oktober 2020, jam 9.30 Pagi** di MahkamahBesar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 27 Ogos 2020

**KES NO. BCY / CP / 285 / 2019**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
- Pemiutang / Pemetisyen

**AFDHALUL INSAN BIN AZMAN**
**(BYIC No. 01-048561)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 Julai 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-3) Mahkamah Besar** pada **8 Oktober 2020, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **8 Oktober 2020, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 18 Ogos 2020

**DK SITI NURSU'AIDAH BINTI PG JUFRIZAR @ PG TAJUDDIN**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 468 / 2017**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
- Pemiutang / Pemetisyen

**HAJI AZIMAN BIN HAJI TARSAT**
**(BYIC No. 00-301554)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 Jun 2018.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-1) Mahkamah Besar** pada **8 Oktober 2020, jam 9.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **8 Oktober 2020, jam 9.45 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 2 September 2020

**KES NO. BCY / CP / 398 / 2018**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**
- Pemiutang / Pemetisyen

**DK FARIDAHWATIE BINTI PG HAJI JALUDIN**
**(BYIC No. 00-286754)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 20 Februari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-1) Mahkamah Besar** pada **8 Oktober 2020, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **8 Oktober 2020, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 3 September 2020

**HARNITA ZELDA SKINNER**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 94 / 2018**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ABU SAFIAN BIN HAJI MOHAMAD DAN HAJI JUNAIDI BIN HAJI MOHAMAD** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI SAMUT @ HAJI MOHAMAD BIN SARPUDIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK-ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **13 OKTOBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 29 September 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 222 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MURUGAIAH PILLAI MANICKAM** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **GENENSAN RAJAMANICKAM** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **PEMEGANG SURAT KUASA** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **13 OKTOBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 29 September 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 238 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AHMAD FADILLAH BIN HAJI MUSTAPAH** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **NORZAIMAH @ TINANG BINTI HAJI ISMAIL** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **13 OKTOBER 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 29 September 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 239 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DATO HAJI MOHD FAUZI BIN DATO HAJI ABDUL SALAM** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DATO HAJI ABDUL SALAM BIN ABD RAZAK** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **13 OKTOBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 29 September 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 240 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOHD FAUZI BIN DATO HAJI ABDUL SALAM** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DATIN HAJAH ZAITON BINTI HUSSAIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **13 OKTOBER 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 29 September 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 241 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MOHD IQBAL AL-SHUKRI BIN HAJI SAHARI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI SAHARI BIN HAJI YA'KUB** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **13 OKTOBER 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 29 September 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 242 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DK MAWARTI BINTI PG HJ AHMAD** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PG HAJI METASSAN BIN PG DAMIT** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **CUCU PEREMPUAN** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **13 OKTOBER 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 29 September 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 243 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ABD RAMAN BIN HAJI LASIM** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI LASIM BIN HAJI MIRUSIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **13 OKTOBER 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 29 September 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 245 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NORHANI BINTI HAJI TUNGGAL** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI ABDUL GHANI BIN HAJI KARIM** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **13 OKTOBER 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 29 September 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 246 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOHAMMAD NOOR KAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI AHMAD BIN HAJI MD NOOR** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **13 OKTOBER 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 29 September 2020.

**(MOHAMMAD FIKRI FATHUDDIN BIN ASSOKAN )**
Penolong Pegawai Waris
Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

---

BDMD Brunei Darussalam Meteorological Department

**JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**THE SUPPLY, DELIVER AND INSTALL GLASS PANEL WITH BACKING AND PAINTING WORKS FOR BDMD**

Bilangan Tawaran :
**JKBD / 2020 / SH-19**

Tarikh Tutup :
**Rabu, 21 Oktober 2020, sebelum jam 2.00 Petang**

---

**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KANTIN**

**BILANGAN SEBUT HARGA DA / JKSH / 84 / 2020 / 2021 [BPPA-OKT-2020] HINGGA BILANGAN SEBUT HARGA DA / JKSH / 91 / 2020 / 2021 [BPPA-OKT-2020]**

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA BND5.00 [Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU 24 OKTOBER 2020**

**[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]**

# Pertandingan tingkat kefahaman Dikir Syarafil Anam







ANTARA pasukan yang menyertai Pertandingan Dikir Lama dan Syarafil Anam bagi masjid-masjid Zon 1 Daerah Brunei dan Muara (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar kiri, persembahan dikir daripada tempat pertama bagi pasukan perempuan, Balai Ibadat Kampung Saba.

**Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 6 Oktober. - Dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman yang mendalam mengenai Dikir Syarafil Anam, Masjid Ash-Shaliheen diberi kepercayaan menjadi tuan rumah bagi mengadakan saringan Pertandingan Dikir Lama dan Syarafil Anam bagi masjid-masjid Zon 1 Daerah Brunei dan Muara.

Pertandingan berkenaan disertai empat pasukan lelaki dan empat pasukan perempuan dari Masjid Ash-Shaliheen, Masjid Sufri Bolkiah, Perpindahan Berakas, Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi, Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti, Kampung Burung Pingai, Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba dan Balai Ibadat Kampung Saba.

Dalam pertandingan tersebut, tempat pertama bagi pasukan lelaki dimenangi oleh pasukan dari Masjid Sufri Bolkiah, Perpindahan Berakas, manakala tempat pertama bagi pasukan perempuan pula dimenangi oleh pasukan daripada Balai Ibadat Kampung Saba.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Masjid Ash-Shaliheen dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara tersebut adalah sebagai usaha berterusan dalam menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Selain itu, ia juga diharap akan dapat menggilap bakat-bakat yang ada melalui persaingan yang sihat dan seterusnya menggalakkan para peserta untuk menjadikan masjid sebagai tempat untuk mengadakan pelbagai majlis yang bermanfaat.

## ALAI PINTAR — SOALAN 035

### SOALAN 7 OKTOBER 2020, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Berapakah keluasan keseluruhan Negara Brunei Darussalam
   a. 4,834 kilometer persegi
   b. 5,765 kilometer persegi
   c. 6,882 kilometer persegi
2. Kebaikan senaman ialah ___________
   a. menambah berat badan
   b. menurunkan selera makan
   c. meningkatkan kecergasan
3. Nombor talian kecemasan yang mana perlu dihubungi jika berlaku kebakaran?
   a. Bomba dan Penyelamat - 995
   b. Ambulans - 991
   c. Polis - 993

**TARIKH TUTUP : 19 OKTOBER 2020**

### SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8300836** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..............................
Tarikh Lahir : ..............................
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..............................
Sekolah : ..............................
Tahun : ..............................
Alamat : ..............................
..............................
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..............................

### HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI **BND38.00**

**PEMENANG ALAI PINTAR 034 :**
Nama : Nurul Farahiyah Nadiellah binti Md Fadilah
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0509311. Sekolah : Sekolah Rendah Birau Tutong

**JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 034**
1. b) 1233
2. c) Temburong
3. a) 23 September

# KHEU hadiri Taklimat Pengenalan Arkib NBD





PARA pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bergambar ramai pada Sesi Taklimat Pengenalan Arkib Negara Brunei Darussalam dan Pengurusan Rekod di Teater, PM Dato Sharifuddin, Bangunan Arkib Negara Brunei Darussalam (kanan), sementara gambar atas, para pegawai dan kakitangan KHEU semasa melihat secara lebih dekat koleksi bahan-bahan arkib yang boleh dirujuk bagi tujuan penyelidikan.

**Siaran Akhbar dan Foto : Arkib Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 6 Oktober. - Seramai 43 pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menghadiri Sesi Taklimat Pengenalan Arkib Negara Brunei Darussalam dan Pengurusan Rekod di Teater, PM Dato Sharifuddin, Bangunan Arkib Negara Brunei Darussalam.

Taklimat itu disampaikan oleh Pegawai Arkib, Awang Zulhilmi Mohd Zain.

Sesi taklimat yang diadakan ini adalah bertujuan bagi membarigakan fungsi dan peranan Arkib Negara Brunei Darussalam khususnya dalam memberi khidmat nasihat mengenai pengurusan rekod awam secara lebih bersistematik dan menerangkan mengenai koleksi bahan arkib yang boleh dijadikan sebagai rujukan dalam melaksanakan penyelidikan.

Selain itu, pegawai dan kakitangan dari KHEU itu juga turut dibawa melawat ke ruang kerja di Unit Pengurusan Rekod untuk melihat secara lebih dekat mengenai tatacara pengurusan rekod yang lebih tepat dan Dewan Penyelidikan di Unit Perkhidmatan Akses dan Rujukan bagi mengetahui koleksi bahan-bahan arkib yang boleh dirujuk bagi tujuan penyelidikan.



# MINDA PEMBACA

## Lindungi diri awda daripada penipuan kewangan

**BERITA** kes penipuan kewangan semakin kerap disiarkan di media-media sosial tempatan kita. Dunia teknologi yang semakin canggih, modus operandi penipuan kewangan juga turut semakin kreatif dalam mencari mangsanya. Sindiket penipuan kini menggunakan e-mel palsu, panggilan telefon dan khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan tujuan menipu demi mengaut keuntungan wang daripada mangsa. Bagi mengatasi masalah ini pihak kerajaan dan bank telah menyenaraikan ciri-ciri penipuan kewangan.

Ciri utama penipuan kewangan ialah bayaran pendahuluan yang diminta sebelum kita menerima pinjaman atau hadiah wang. Kebanyakan sindiket penipuan akan meminta kita untuk membayar wang pendahuluan sebagai Processing Fee sebelum meluluskan pinjaman atau penerimaan hadiah wang. Wang pendahuluan tidak akan diminta oleh pemberi pinjaman wang yang sah, sebaliknya akan memotongnya dari pinjaman sebelum diserahkan kepada peminjam.

Ciri yang kedua ialah penipu akan meminta maklumat peribadi dan perbankan kita secara dalam talian seperti nombor kad kredit atau akaun. Jika ini berlaku, elakkan dari memberikan maklumat tersebut kepada mereka kerana melalui cara ini ianya membolehkan kita kehilangan wang dan sukar untuk dikesan. Sebaiknya hubungi pihak bank untuk memastikan kesahihan tentang panggilan tersebut.

Selain itu, sindiket penipuan biasanya akan meminta kita untuk bertindak cepat seperti menggesa kita untuk memberikan maklumat peribadi atau perbankan di dalam talian agar urusan pinjaman atau penerimaan hadiah wang akan dapat disegerakan. Seharusnya kita perlu menyemak kertas kerja dan meneliti perjanjian secara dua hala sebelum menerima pinjaman atau hadiah wang.

Kesimpulannya mangsa kes penipuan wang di negara ini semakin meningkat. Kebanyakan penipuan itu berlaku secara dalam talian. Hal ini menyebabkan pihak kerajaan dan bank telah menyenaraikan ciri-ciri penipuan kewangan bagi mengelakkan kita daripada menjadi mangsa penipuan. Antara ciri-cirinya ialah meminta wang pendahuluan untuk membuat pinjaman atau menerima hadiah wang, meminta maklumat peribadi dan perbankan secara dalam talian serta menggesa untuk bertindak dengan cepat melalui talian.

**Nama : Hazman bin Hamidun**
**No. K/P : 00-322240 (K)**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Dadah Perosak Bangsa dan Negara'.** Tarikh Tutup : **7 Oktober 2020**
2. **'Waspada Pembelian Ubat Dalam Talian'.** Tarikh Tutup : **14 Oktober 2020**
3. **'Tenaga Mesra Alam Lestarikan Kehijauan Bumi'.** Tarikh Tutup : **21 Oktober 2020**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# Lakukan kebaikan tanpa mengharapkan balasan



KETUA Belia Persekutuan Peniaga-peniaga Melayu Brunei, Mohd. Zafren bin Mohd. Said semasa ditemu bual.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

**BELAIT**, Isnin, 5 Oktober. - Umat Islam disaran agar sentiasa berbuat amal baik bukan untuk dipuji dan dikenang tetapi untuk mendapat ganjaran baik di akhirat kelak.

Jangan takut berbuat baik, jangan pula berasa kecewa sekiranya kebaikan dan sumbangan tidak dihargai atau dikhianati.

Yakin atas perkara yang dilakukan tidak hanya dibalas dengan satu kebaikan kerana Allah Subhanahu Wata'ala akan membalas dengan 10 hingga 700 kali ganda kebaikan.

Walau hanya dengan berniat untuk melakukan kebaikan jika ada halangan, itu juga dicatat sebagai satu kebaikan.

Untuk mendapatkan penerangan mengenai 'Amalan Baik Mendapat Balasan Baik Di Akhirat', Pelita Brunei menemu bual Ketua Belia Persekutuan Peniaga-peniaga Melayu Brunei, Mohd. Zafren bin Mohd. Said, baru-baru ini.

Beliau merujuk ayat berbunyi, *"Barang siapa melakukan amal yang baik, maka baginya pahala sepuluh kali lipat amalnya; dan barangsiapa yang berbuat perbuatan jahat maka dia tidak diberi pembalasan melainkan seimbang dengan kejahatannya".* (Surah Al-An'am, ayat 160)

Yang demikian barangsiapa yang berniat melakukan kebaikan, jika tidak dapat melakukannya, maka malaikat Allah tetap mencatat satu kebaikan untuknya.

Beliau menasihati kepada dirinya dan juga yang berkemampuan lebih agar sentiasa bersemangat untuk memberi sumbangan amal kepada yang memerlukan daripada rezeki yang diperoleh.

Menurutnya lagi, seseorang yang dikurniakan rezeki lebih dengan kehidupan yang terjamin dan sempurna maka janganlah bersifat kikir atau kedekut.

"Justeru pergunakanlah rezeki yang diperoleh untuk membuat amal kebajikan tanpa mengharap pujian atau dikenang, ikhlas membantu orang lain juga menjanjikan syurga, terutama apabila bantuan diberikan tidak mengharapkan balasan," jelasnya.

Membaca Al-Quran juga katanya antara amalan meraih pahala dan ganjarannya syurga, jika tidak mampu membaca Al-Quran, perbanyakan berzikir dan bertadabbur.

Dengan melakukan perkara yang disukai Allah seperti menyambung silaturahim juga pahala dan tidak akan masuk syurga orang yang memutuskan silaturahim sebagaimana pesan Rasulullah, jelas nya lagi.

Beliau juga mengongsikan antara tauladan baik yang sering dikongsikan yang tersebut di dalam Al-Quran kisah mengenai seorang wanita pelacur yang berasal dari Bani Israil yang menolong seekor anjing yang sedang kehausan.

Wanita itu membuka kasutnya dan mengambil air dari perigi lalu memberinya kepada anjing itu dan dengan hanya berbuat baik begitu, Allah Subhanahu Wata'ala telah mengampuni dosa-dosanya.

Kesimpulannya, semua perbuatan yang dilakukan oleh manusia selama di dunia tetap akan mendapatkan balasan di akhirat kelak sekalipun perbuatan yang dilakukan hanya perkara kecil.

Yang demikian perbanyakanlah amal kebaikan selagi ada hayat kerana Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan balasan yang lebih baik untuk setiap hamba-Nya yang berbuat amal kebaikan.

# Produk anyaman hasilkan pendapatan lumayan



PEMBUAT Anyaman, Dayang Connie Rungah semasa ditemu bual.





HASIL anyaman di negara ini juga memperlihatkan kualiti tersendiri (kiri, kanan dan bawah).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Oktober. - Tidak dihairankan, seni kraf tangan, seperti anyaman yang dahulunya diperbuat bagi mengisi masa lapang dan kegunaan sendiri, kini menjadi satu sumber pendapatan yang lumayan.

Anyaman sudah setentunya boleh diperkembangkan ke tahap komersial memandangkan permintaan yang begitu tinggi di negara ini. Antara anyaman yang sering kali dibuat ialah beg, takiding, tikar, bayung, bakul, tongkat dan banyak lagi.

Sudah pasti, kita yang duduk bernaung di bumi Brunei Darussalam ini serba sedikit mengetahui akan kewujudan anyaman yang mempunyai pelbagai corak, reka bentuk dan berwarna-warni.

Bukan itu sahaja, produk-produk anyaman ini bahkan dikomersialkan di jualan-jualan ekspo, rumah-rumah persendirian, rumah-rumah panjang serta dijadikan sebagai sebahagian daripada produk-produk Majlis Perundingan Kampung di negara ini.

Apa yang unik dan menarik perhatian masyarakat pada masa ini ialah beg-beg anyaman yang kini dijadikan sebagai satu trend bagi wanita-wanita yang bekerja, para suri rumah tangga dan juga para pelajar.

Beg anyaman diisikan dengan buku-buku, barang-barang keperluan, seperti dompet, telefon bimbit dan bermacam-macam lagi. Ada yang lebih selesa menggunakan beg anyaman disebabkan keunikan beg tersebut berbanding pelbagai beg berjenama mahal yang dijual dan diimport dari luar negara.

Perkara ini turut diakui oleh Pembuat Anyaman, Dayang Connie Rungah semasa di temu bual Pelita Brunei di Kompleks Tamu Kianggeh baru-baru ini.

Menurutnya, anyaman bukanlah sesuatu perkara yang mudah dibuat, lebih-lebih lagi beg anyaman yang memerlukan masa selama empat jam untuk menyiapkannya.

Beliau telah berkecimpung dalam bidang anyaman sejak 10 tahun yang lalu, di mana minat beliau dalam mempelajari anyaman ini bermula dari tunjuk ajar neneknya. Sejak itu, beliau cenderung dan mahir dalam membuat pelbagai anyaman, termasuklah beg anyaman.

"Apa yang penting, sikap *bakarih* itu harus ada dan tidak pernah luntur kerana membuat anyaman memerlukan tenaga dan pergerakan yang banyak," katanya lagi.



Justeru, beliau berharap pendapatan jualan anyamannya akan bertambah baik dari sehari ke sehari dan pada masa yang sama, berhasrat untuk mempelbagaikan dan memodenkan lagi produk anyaman beliau.

Malahan, anyaman akan kekal sebagai warisan turun-temurun, generasi ke generasi juga anyaman akan menjadi satu produk yang mampu dieksport ke luar negara.




# Lestarikan budaya warisan bangsa melalui seni tari



**Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman**
**Sumber Bahan dan Foto : Ihsan Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**NEGARA** Brunei Darussalam sememangnya kaya dengan adat Melayu dan warisan khazanah yang begitu indah termasuk seni tari sejak turun-temurun lagi. Dan tidak kurang juga kepada puak-puak etnik yang terdapat di negara ini.

Orang Kedayan di negara ini antaranya terkenal dengan adat resam dan ciptaan-ciptaan seni mereka. Tidak banyak yang diketahui bagaimanakah bentuk tarian asli kaum Kedayan yang sebenarnya.

Adapun yang agak popular masa kini ialah Tarian Anding, Aduk-Aduk, Dang Mengalai dan Alai Bubu. Tarian Aduk-Aduk merupakan tarian tradisi mereka yang selalunya dipersembahkan di majlis-majlis keramaian, upacara dan perayaan tertentu terutamanya selepas musim menuai.

Tarian ini sememangnya popular dalam kalangan kaum Kedayan di Negara Brunei Darussalam terutamanya yang berasal dari Daerah Tutong. Namun sejak kebelakangan ini Tarian Aduk-Aduk sudah mula dipelajari dan dipersembahkan oleh pelbagai generasi kita malahan ia turut dipersembahkan di negara luar yang bersangkutan dengan acara kebudayaan.

Pergerakan tarian ini menyerupai silat dan penari akan mempamerkan kebolehan dan kecergasan serta kecekapan memalu dua biji tempurung kelapa sambil diiringi muzik gulintangan dan gendang.

Dengan pakaian segak dan kacak perwira-perwira, berbaju dan seluar hitam, bertengkolok dan berpanding merah, penari-penari tarian ini rancak menari mengikuti rentak muzik silat dari pukulan gendang-gendang dan alat-alat lain. Kemeriahan Aduk-Aduk diserikan lagi dengan rentak lagan dua tempurung kelapa yang dipegang dan diayun oleh penari.

Bukan itu sahaja, inisiatif dengan menganjurkan pertandingan tarian asli yang disertai oleh generasi muda kita dan sekali gus dapat meneruskan warisan tarian Brunei agar tidak pupus ketika menuju ke arah kemodenan.

Pada masa yang sama, bakat mereka yang terpendam dalam bidang kesenian dan kebudayaan dapat dicungkil lebih mendalam di mana mereka dapat menyumbang bakti kepada bangsa dan negara, terutama dalam industri pelancongan dan membarigakan budaya warisan Brunei ke peringkat antarabangsa.

Akhirnya, terpupuklah semangat cintakan seni budaya warisan Melayu Brunei kalangan generasi muda dengan berpegang teguh kepada falsafah Melayu Islam Beraja.





Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

# Bandar Seri Begawan - Pembangunan signifikan memacu kemajuan negara

KEINDAHAN Bandar Seri Begawan (BSB) bukan sahaja diterjemahkan dari perkembangan infrastruktur yang ada bahkan bandar ini juga dilihat sebagai bandar bersejarah, yang menyimpan memori sejarah bagi rakyat negara ini. Laungan Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 bukan sahaja merupakan era baharu negara yang merdeka bahkan BSB berwajah baharu dengan pelbagai pembangunan yang sudah dirancang.

Kini setelah 50 tahun berlalu Bandar Brunei ditukar nama menjadi BSB. Bandar ini melalui pelbagai kemajuan dan pengubahsuaian dengan imej yang lebih menarik dengan mengekalkan identiti keBruneian yang berkonsepkan falsafah Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.

Bandar Brunei mula bertukar nama menjadi BSB pada 4 Oktober 1970. Setiap tahun pada tarikh berkenaan, sambutan memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei kepada BSB diadakan sebagai mengenang jasa Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam memajukan dan memodenkan Negara Brunei Darussalam sehingga dikenali sebagai 'Arkitek Brunei Moden'.

Istiadat penukaran nama Bandar Brunei menjadi BSB dilangsungkan di Padang Besar dan Menteri Besar ketika itu, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah membacakan pengisytiharan penukaran tersebut.

BSB mempunyai keluasan 1,287 hektar (12.87 kilometer persegi) dan diperluaskan menjadi 10,036.24 hektar (100.36 kilometer persegi) pada 1 Ogos 2007. Perluasan kawasan BSB diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 19 Julai 2007 setelah diumumkan secara rasminya oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Warisan bersejarah yang menjadikan BSB mempunyai kenangan berharga tidak akan dapat dirasai oleh generasi masa kini. Biarpun pembangunan akan terus berjalan tetapi sejarah BSB tetap akan dikenang.

Sepanjang tempoh usianya, BSB melalui pelbagai perubahan dan kemajuan yang telah dicapai terutama dalam beberapa bidang perindustrian, pelancongan, pembangunan, dan lain-lain lagi. Banyak bangunan-bangunan lama sudah berubah wajah diganti bangunan baharu. Ada sebahagian bangunan diberi 'wajah baharu' tetapi tetap mengekalkan ciri-ciri keBruneian.

Pelbagai aktiviti juga diadakan di BSB seperti Bandarku Ceria yang diadakan setiap Ahad. Program ini mendapat sambutan orang ramai yang ingin beriadah menyihatkan tubuh badan bersama keluarga. Ini kerana acara senamrobik atau berbasikal dianjurkan oleh pelbagai sektor sama ada sektor kerajaan mahupun swasta. Jelas keceriaan program-program yang diadakan menghidupkan suasana di BSB dengan orang ramai yang datang bersama keluarga lebih-lebih lagi kanak-kanak yang berseronok dengan pelbagai aktiviti.

Sebagai sebuah bandar yang berkonsepkan 'Bandar dalam Taman', BSB juga dihiasi dengan tanam-tanaman pokok serta bunga-bungaan yang mencantikkan kawasan di sekitar BSB. Kemajuan BSB dengan infrastruktur moden melengkapkan ciri BSB yang moden tetapi tidak meninggalkan ciri-ciri keBruneian untuk menjadi kebanggaan rakyat dan penduduk di negara ini.

### Taman Mahkota Jubli Emas

Taman Mahkota Jubli Emas telah mengubah landskap BSB menjadi bandar yang lebih moden, dinamik dan menarik. Taman tersebut yang mempunyai keluasan sebelas hektar dan mempamerkan identiti bandar dengan kawasan *waterfront* bertaraf dunia menjadi tempat tarikan orang ramai. Taman ini juga menyediakan trek pejalan kaki dan penunggang basikal selebar enam meter serta membolehkan orang ramai menghirup udara segar di sepanjang Rivefront Promenade yang dihiasi dengan pelbagai tanaman dan pokok yang unik seperti pokok Rainbow Gum dan Willow. Ia juga dijadikan sebagai warisan memperingati sejarah Istana Darussalam yang merupakan tempat kelahiran Kebawah DYMM dan tempat baginda dibesarkan.

### Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien

Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien terletak di pusat BSB merupakan sebuah taman tempat berlangsungnya upacara-upacara negara seperti Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Hari Kebangsaan, Musabaqah Membaca Al-Quran, Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan sebagainya. Sebelumnya, taman in dikenali dengan nama Padang Besar, setelah ia siap diubah suai dan diperindah dalam tahun 1983, ia ditukar nama menjadi Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien sempena mengambil nama Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Taman ini merupakan tempat yang bersejarah kerana di sini juga menyaksikan berlangsungnya Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984.

### Masjid Omar 'Ali Saifuddien

Merupakan salah sebuah masjid di Negara Brunei Darussalam yang terletak di BSB. Masjid ini diiktiraf sebagai masjid yang terunik di Asia Pasifik dan menjadi tarikan pelancong. Masjid Omar 'Ali Saifuddien diiktiraf oleh penduduk Brunei sebagai salah satu mercu tanda negara ini.

Dinamakan sempena Sultan Brunei Ke-28, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, masjid ini menjadi simbol umat Islam di Negara Brunei Darussalam. Bangunan masjid ini siap dibina pada tahun 1958 dan menjadi salah satu contoh seni bina moden Islam.

### Perarakan Mengelilingi BSB

BSB juga menjadi tempat bersejarah apabila upacara-upacara sambutan seperti Perpuspaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 1 Ogos 1968 dan Sambutan Jubli Perak Kebawah DYMM Menaiki Takhta pada 5 Oktober 1992. Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM dengan Istiadat Perarakan Mengelilingi BSB pada Khamis, 5 Oktober 2017 merupakan upacara-upacara yang 'tidak selalu disaksikan'. Perarakan ini memberi peluang seluruh rakyat dan penduduk di negara ini sama-sama menyambut hari-hari bersejarah tersebut apatah lagi ianya disambut di BSB.

BSB akan tetap terus membangun selaras dengan arus kemodenan tetapi tetap akan mengekalkan identitinya yang tersendiri, identiti keBruneian. Sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, kebersihan, keselamatan dan penjagaan bandar kita ini perlu ditanai sebaik-baiknya apatah lagi BSB sudah terkenal di negara-negara luar.

BERITA GLOBAL

# Trump keluar hospital kembali ke rumah putih

**WASHINGTON**, 6 Okt. - Presiden Donald Trump meninggalkan Pusat Perubatan Walter Reed dan menuju ke Rumah Putih untuk terus menjalani pemulihan selepas dijangkiti COVID-19, lapor agensi berita Sputnik.

Trump dilihat berjalan meninggalkan pusat perubatan itu pada Isnin petang dengan memakai pelitup muka sambil melambai kepada pihak media. Di Rumah Putih, Trump menanggalkan pelitup mukanya ketika bergambar di atas balkoni Truman, lapor NBC News.

Kira-kira dua jam kemudian dalam rakaman video, Trump berkata rakyat Amerika tidak perlu takut kerana Amerika Syarikat (AS) mempunyai peralatan perubatan dan ubat-ubatan terbaik di dunia.

Katanya, vaksin untuk memerangi penyakit itu akan ada tidak lama lagi. "Kami akan kembali bekerja," kata Trump dan berikrar untuk "menewaskan" COVID-19. Trump berkata beliau "mesti ke depan" sebagai pemimpin negara walaupun ada risikonya. "Dan sekarang saya rasa lebih baik. Mungkin saya kebal. Saya tidak tahu," kata Trump.

Terdahulu, pada Isnin pasukan perubatan Trump memberitahu wartawan presiden memenuhi semua kriteria untuk dibenarkan keluar hospital dan keadaannya bertambah baik sejak didiagnosis pada Khamis.

Trump, dalam ciapannya kira-kira 20 minit sebelum meninggalkan hospital, beliau akan meneruskan kempen "tidak lama lagi." Presiden itu dijangka menyertai debat presiden yang dijadualkan pada 15 Oktober di Miami, Florida, menurut pengarah komunikasi kempen Trump, Tim Murtaugh. - ©BERNAMA

# Satu daripada 10 mungkin dijangkiti COVID-19, dunia menuju waktu sukar - WHO

**GENEVA**, 6 Okt. - Kira-kira satu daripada 10 orang mungkin dijangkiti virus COVID-19, menyebabkan sebahagian besar penduduk dunia terdedah terhadap kesan jangkitan itu, kata Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pakar kecemasan WHO Mike Ryan ketika berucap kepada Lembaga Eksekutif badan kesihatan dunia itu, mengatakan Amerika Syarikat (AS) membuat tuduhan kecil terhadap China, apa yang disebutnya sebagai "kegagalan" memberikan maklumat betul dan tepat pada waktunya mengenai pandemik berkenaan.

Tetapi Zhang Yang dari Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan China, berkata: "China selalu telus dan bertanggungjawab memenuhi tanggungjawab antarabangsa kami." China mengekalkan hubungan rapat dengan semua peringkat agensi kesihatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), tambahnya.

Ryan berkata pandemik memuncak di kawasan Asia Tenggara, dengan kes dan kematian meningkat di beberapa bahagian Eropah dan wilayah timur Mediterranian.

"Anggaran kami sekarang ialah sekitar 10 peratus penduduk global mungkin dijangkiti virus ini. Ia berbeza-beza bergantung kepada negara, berbeza dari bandar ke luar bandar, bergantung kepada kelompok. Tetapi menunjukkan sebahagian besar dunia tetap berisiko," kata Ryan. "Kita sedang menuju ke waktu yang sukar. Penyakit ini terus merebak," katanya.

WHO dan pakar lain berkata virus yang dipercayai berpunca di pasar makanan di pusat bandar Wuhan di China penghujung tahun lalu itu, berasal dari haiwan.

WHO telah menyerahkan senarai pakar untuk mengambil bahagian dalam misi antarabangsa ke China bagi menyiasat asal usulnya, untuk dipertimbangkan oleh pihak berkuasa China, kata Ryan, tanpa memperincikannya.

Penolong Setiausaha Kesihatan AS Brett Giroir menyatakan sangat penting untuk 194 buah negara anggota WHO menerima "maklumat terkini secara berkala dan tepat pada masanya, termasuk syarat rujukan untuk panel ini atau untuk misi lapangan, supaya kita semua boleh terlibat dengan proses ini dan yakin dengan hasilnya".

Jerman, bagi pihak Kesatuan Eropah (EU), mengatakan misi pakar perlu dikerahkan segera, dengan Australia juga menyokong siasatan segera itu.

Sementara itu, Alexandra Dronova, Timbalan Menteri Kesihatan Rusia, meminta penilaian terhadap kesan undang-undang dan kewangan pentadbiran Trump yang mengumumkan pengunduran AS dari WHO pada Julai depan.

AS tidak akan membayar hutangnya kepada WHO berjumlah US$80 juta, sebaliknya akan mengalihkan wang itu untuk membantu membayar bil PBB di New York, kata seorang pegawai AS pada 2 September. - ©BERNAMA

# Thailand buka semula pintu untuk pelabur

**BANGKOK**, 6 Okt. - Kerajaan Thailand merancang membuka semula pintunya lebih luas untuk potensi pelabur, yang akan datang atas urusan perniagaan dan melakukan kunjungan jangka pendek, setelah membenarkan warganegara asing dengan permit kerja dan beberapa kumpulan pelancong memasuki negara ini dengan langkah-langkah kawalan penyakit yang ketat.

Jurucakap kerajaan, Anucha Burapachaisri berkata Pusat Pentadbiran Situasi Covid-19 (CCSA) meluluskan visa untuk 11,000 orang peniaga dan warga asing dengan kebenaran bekerja, lapor agensi berita Thailand (TNA). Mereka bersetuju untuk memasuki alternatif kuarantin negeri selama 14 hari.

Bermula 1 Oktober, Visa Khas Pelancong (STV) ditawarkan kepada pelancong dari negara yang tidak berisiko dan berisiko rendah. Mereka diminta melakukan kuarantin 14 hari semasa ketibaan.

Jurucakap itu berkata, kerajaan kini menyasarkan membuka semula untuk pelabur yang akan berkunjung bagi merundingkan urusan perniagaan kerana kumpulan ini berpotensi tinggi membantu merangsang ekonomi. Oleh sebab mereka mungkin akan datang untuk lawatan jangka pendek, langkah khas diperlukan untuk kumpulan pelancong ini.

Agensi yang berkaitan sedang menyusun rancangan tersebut dan akan mengusulkan langkah - langkah tersebut kepada jawatankuasa ad hoc yang ditugaskan untuk mempertimbangkan kelonggaran sekatan pergerakan dan dipengerusikan oleh setiausaha agung Majlis Keselamatan Nasional, katanya.

Isu berkenaan akan dibawa kepada Perdana Menteri. Pada mulanya, mereka mesti melakukan perjalanan dengan hasil ujian Covid, yang dilakukan dalam 72 jam sebelum memasuki Thailand dan mereka diharuskan memiliki perlindungan insurans kesihatan COVID-19 bernilai sekurang-kurangnya US$100,000, tambahnya. - ©BERNAMA

# "Amerika, jangan biarkan COVID-19 menguasai anda" – Trump

**WASHINGTON**, 6 Okt. - Presiden Amerika Syarikat Donald Trump pada Isnin memberitahu rakyat Amerika agar tidak membiarkan COVID-19 "menguasai anda" setelah tiba di Rumah Putih dari Pusat Perubatan Walter Reed, lokasi beliau menerima rawatan COVID-19, lapor agensi Anadolu.

Menerusi video dari kediaman presiden yang disiarkan di Twitter, Trump berkata beliau "banyak belajar" mengenai COVID-19 semasa berada di hospital tentera di Bethesda, Maryland. "Satu perkara yang pasti: Jangan biarkan ia menguasai anda. Jangan takut kepadanya. Anda akan mengalahkannya," kata Trump. "Kami mempunyai peralatan perubatan terbaik. Kami mempunyai ubat terbaik, semuanya dibangunkan baru-baru ini."

Trump, 74, pada Jumaat berkata beliau dan wanita pertama Melania Trump disahkan positif COVID-19, beberapa jam setelah Hope Hicks, salah seorang pembantu terdekatnya yang sering bersama menyertai perjalanannya, yang terbaharu pada Rabu lalu, disahkan positif COVID-19.

Presiden dibawa ke Pusat Perubatan Walter Reed pada petang Jumaat. Trump berkata sebagai pemimpin negara beliau harus melakukan pergerakan, sambil menambah: "Saya tahu adanya risiko.Juga bahaya, tetapi tidak mengapa. Dan sekarang saya lebih baik. Mungkin saya imun, saya tidak tahu." Presiden juga memberitahu rakyat Amerika supaya sentiasa berjaga-jaga. - ©BERNAMA

# Azerbaijan, Armenia digesa setuju adakan genjatan senjata

**WASHINGTON**, 6 Okt. - Timbalan Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) Stephen Biegun pada Isnin mengadakan perbincangan melalui telefon dengan Menteri Luar Azerbaijan dan Armenia, mendesak kedua-dua pihak bersetuju dengan gencatan senjata dan menyambung semula rundingan, lapor agensi berita Xinhua.

Jabatan Luar Negeri AS dalam satu kenyataan berkata Biegun bimbang dengan laporan mengenai peningkatan tindakan ketenteraan dan operasi di kawasan konflik Nagorno-Karabakh.

"Biegun mendesak pihak terbabit segera bersetuju dengan gencatan senjata dan memulakan semula rundingan di bawah naungan Kumpulan Minsk untuk mencari penyelesaian," kata kenyataan itu. Ujarnya, konflik tidak boleh diselesaikan melalui ketenteraan.

Pertempuran masih berlangsung di sepanjang sempadan wilayah Nagorno-Karabakh, menurut kedua-dua pihak. Konflik antara Azerbaijan dan Armenia bermula pada 1988 - tiga tahun sebelum pembubaran Kesatuan Soviet pada 1991. Pada 1992, perang berskala besar meletus sehingga gencatan senjata ditandatangani pada Mei 1994. - ©BERNAMA

# Peru rampas 420 kilogram kokain di wilayah Amazon

**LIMA**, 6 Okt. - Pasukan keselamatan Peru merampas sejumlah 420 kilogram kokain di Lembah Sungai Apurimac, Ene dan Mantaro di wilayah Amazon, lapor agensi berita Xinhua, memetik Kementerian Pertahanan pada Isnin. Dadah itu dirampas pada Ahad di daerah terpencil Megantoni di wilayah La Convencion, 1,029 kilometer tenggara Lima, ibu negara Peru.

Rondaan bersama tentera dan polis berjaya menggagalkan usaha untuk menyeludup 10 karung guni mengandungi dadah berkenaan, kata kenyataan itu.

Agensi penguatkuasaan undang-undang Peru menjalankan operasi berterusan di kawasan lembah, yang menjadi lokasi operasi kartel dadah tempatan dan antarabangsa. Pada awal 2020, Polis Peru merampas 18 tan dadah, kebanyakannya untuk pasaran Amerika Syarikat. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# Di sebalik pandemik, rakyat puas hati dengan prestasi Presiden Filipina Duterte

**MANILA**, 5 Okt. - Presiden Filipina Rodrigo Duterte dilihat terus mendapat sokongan di tengah - tengah pandemik COVID-19, menurut hasil tinjauan bebas yang dikeluarkan pada Isnin, menyaksikan sembilan dari 10 rakyat Filipina berpuas hati dengan prestasi pentadbiran pemimpin Filipina itu.

Tinjauan yang dibuat Pulse Asia Inc. pada 14-20 September itu menunjukkan 91 peratus daripada 1,200 peserta terdiri warga Filipina berusia 18 tahun ke atas berpuas hati dengan hasil kerja Duterte, lapor agensi berita Xinhua.

"Majoriti kelulusan merangkumi seluruh kawasan geografi dan kelas sosioekonomi (masing-masing 88% hingga 97% dan 88% hingga 95%)," kata Pulse Asia.

"Kepercayaan adalah sentimen utama terhadap Duterte," menurut tinjauan itu.

Pulse Asia mengatakan kepercayaan terhadap Duterte "semakin ketara antara Disember 2019 dan September 2020 di seluruh negara termasuk di Metro Manila dan seluruh pulau Luzon".

Filipina menyaksikan peningkatan kes COVID-19 sejak virus itu muncul di negara ini pada Januari, mendorong Duterte memperkenalkan sekatan pergerakan ketat pada pertengahan Mac untuk membendung penularan virus.

Filipina kini mempunyai 322,497 kes disahkan, termasuk 5,776 kematian dan 273,079 pemulihan. - ©BERNAMA

## Thai Airways lancar pengalaman penerbangan dan santapan baharu, tingkat kewangan syarikat

**BANGKOK**, 5 Okt. - Penduduk tempatan yang merindui perjalanan menaiki kapal terbang ketika pandemik COVID-19 kini boleh "melakukan perjalanan" tanpa pergi ke luar negara dan menjalani kuarantin wajib - bertempat di kemudahan latihan Thai Airways International Public Company Limited (Thai Airways) di Jalan Vibhavadi Rangsit, Bangkok.

Thai Airways juga membuka kemudahan latihannya kepada orang ramai dan peminat penerbangan serta juruterbang yang berminat.

Naib Presiden untuk Pembangunan Sumber Penerbangan syarikat penerbangan itu, Kapten Chatree Pongsak, berkata projek 'THAI Flying Experience & Beyond' akan membolehkan pengunjung menikmati pengalaman mengendalikan simulator penerbangan dengan bayaran.

"Juruterbang dan pembantu juruterbang akan memenuhi kehendak pelanggan sepanjang sesi, dengan memilih daripada tiga pakej untuk merasai pengalaman tersebut," katanya.

Simulator penerbangan Airbus dan Boeing, dilengkapi dengan teknologi gerakan penuh, masing-masing berharga antara 500 juta dan 600 juta baht, dan telah digunakan oleh juruterbang yang berpengalaman dan baharu untuk latihan. Tawarab itu terbuka kepada pengunjung, bermula pada 12,000 baht (RM1,578) setiap seorang selama 30 minit.

Pengunjung akan memasuki kokpit tiruan Airbus A380, Boeing 777-300ER, Boeing 747-400, atau Boeing 737-400, dan mengalami keterujaan menerbangkan sendiri pesawat.

Pengunjung juga boleh memilih lapangan terbang dan mengemudi pesawat melalui landasan dan pendaratan - dibantu oleh juruterbang dan instruktur simulator terlatih - dan menikmati pemandangan menarik dari atas menerusi kokpit.

Selain simulator penerbangan, pengunjung boleh mengunjungi restoran bertema syarikat penerbangan Thai Airways, "Royal Orchid Dining Experience", yang hanya beberapa ratus meter jaraknya, untuk menikmati hidangan dalam penerbangan.

Ketika Amaraporn Jantarath, 42, tiba di restoran, kru kabin Thai Airways berpakaian seragam menyambutnya. Beliau 'mengimbas' pas masuk khasnya sebelum memasuki restoran, kelihatan beberapa kerusi telah diganti dengan tempat duduk pesawat yang berwarna-warni, dan beberapa bahagian enjin dan tayar lama dijadikan perabot untuk menambah suasana.

"Saya sering menjadi penumpang Thai Airways. Dekorasi restoran dan pengalaman menjamu selera dalam penerbangan mengingatkan saya untuk terbang dan berjalan lagi. Saya telah berkunjung ke sini beberapa kali sejak pembukaannya pada awal September, dan saya suka makanan dan suasananya," katanya kepada Bernama.

Amaraporn adalah antara penumpang kerap syarikat penerbangan Thai Airways yang memberikan sokongan kepada syarikat yang sedang berhadapan cabaran terbesar dalam sejarah 60 tahunnya apabila COVID-19 dan sekatan perjalanan menjejaskan industri pelancongan.

"Ketika pertama kali mendengar mengenai restoran bertema syarikat penerbangan, saya memutuskan untuk (datang dan) memberi sokongan kepada mereka," katanya.

Pengarah Urusan Thai Airways Catering Varangkana Luerojvong berkata restoran itu mendapat sambutan yang baik dan melayani antara 400 hingga 500 pengunjung sehari sejak ia mula beroperasi pada awal bulan lalu (September).

"Kami mempunyai rancangan untuk mengubah pejabat lain menjadi ruang santapan dengan pengalaman makan yang serupa. Kami juga merancang untuk membuka restoran tujuh hari seminggu," katanya.

Menurut beliau Thai Airways merancang untuk menerbangkan penumpang dalam penerbangan persiaran selama dua jam di lokasi pelancongan utama seperti Doi Suthep di Chiang Mai, Thailand.

"Kami berharap perkhidmatan ini dapat memberikan pengalaman perjalanan yang unik kepada penumpang dan pada masa yang sama menjana pendapatan syarikat penerbangan," katanya.

Thai Airways juga merancang untuk memasarkan perniagaannya menjual 'Pa Tong Go' - doh goreng dengan kuah yang dihasilkan daripada ubi jalar ungu dan kastard telur - berikutan sambutan luar biasa.

Setiap kotak 'Pa Tong Go' berharga 50 baht boleh didapati di lima gerai makanannya di Bangkok. Setakat ini, perniagaan itu mencatatkan jumlah jualan bulanan sekitar 10 juta baht.

Thailand telah menghentikan penerbangan komersial sejak 4 April untuk membendung penyebaran COVID-19 dan sebahagian pesawatnya akan terus berada di daratan sehingga Oktober.

Bulan lalu, Mahkamah Muflis Pusat Thailand memerintahkan Thai Airways yang mengalami masalah kewangan untuk meneruskan rancangan penstrukturannya. Syarikat penerbangan itu mempunyai liabiliti sebanyak 332.2 bilion baht pada Jun. - ©BERNAMA

## Vietnam lapor tiada kes baharu COVID-19 untuk 32 hari berturut-turut

**HANOI**, 5 Okt. - Tiada kes baharu COVID-19 dilaporkan di Vietnam pada Ahad, menandakan hari ke-32 berturut-turut tanpa jangkitan dalam kalangan masyarakat, menurut Jawatankuasa Pengendali Nasional untuk Pencegahan dan Pengawalan COVID-19.

Negara setakat ini mengesahkan 1,096 kes COVID-19, termasuk 691 jangkitan tempatan dan selebihnya kes yang diimport, katanya lagi.

Di antara pesakit yang sedang menjalani rawatan, seorang telah diujii negatif untuk novel coronavirus SARS-CoV-2 sekali, dua pesakit untuk kali kedua dan empat orang bagi ujian kali ketiga, lapor agensi berita Vietnam (VNA).

Setakat ini, 1,020 pesakit berjaya dirawat dan kini tiada pesakit dalam keadaan kritikal.

Angka kematian akibat penyakit itu kekal pada 35, kebanyakan mereka warga tua dengan keadaan yang serius.

Seramai 16,447 orang yang mempunyai hubungan rapat dengan pesakit COVID-19 atau memasuki Vietnam dari wilayah yang dilanda pandemik sedang dikuarantin di seluruh daerah, termasuk 718 di hospital, 11,212 di pusat kuarantin, dan 4,547 di rumah. - ©BERNAMA

## Arab Saudi : Kumpulan pertama jemaah mula jalani ibadah umrah

**RIYADH**, 5 Okt. - Selepas enam bulan sekatan akhirnya pada Ahad jemaah mula menjalani ibadah Umrah di Mekah dengan langkah-langkah pencegahan ketat berikutan pandemik COVID-19, lapor agensi berita Xinhua.

Kumpulan jemaah pertama menunaikan Umrah di Mekah dengan langkah berjaga-jaga untuk mencegah penularan COVID-19, tulis Ketua Umum Hal Ehwal Masjidil Haram dan Masjid Nabawi di Twitternya.

Sejak Arab Saudi membuka semula proses permohonan menunaikan Umrah pada 27 September, sejumlah 108,041 permit dikeluarkan pada 1 Oktober, menurut Kementerian Haji dan Umrah.

Sebelum ini, Arab Saudi mengumumkan akan membenarkan semula ibadah Umrah secara bertahap mulai 4 Oktober.

Untuk membendung penularan COVID-19 pada 27 Februari, Arab Saudi menangguhkan kemasukan jemaah asing di Mekah dan Madinah.

Pada 4 Mac, kerajaan turut menangguhkan Umrah untuk rakyat dan penduduk Arab Saudi.

Arab Saudi melaporkan 390 kes baharu dalam 24 jam lalu, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 336,387, umum Kementerian Kesihatan pada Ahad. - ©BERNAMA

## 2 roket sasar zon hijau di Baghdad, Iraq

**BAGHDAD**, 5 Okt. - Dua serangan roket Katyusha menyasarkan lapangan terbang Baghdad dan Zon Hijau di ibu kota Iraq pada Isnin tanpa menyebabkan kematian, lapor agensi berita Xinhua, memetik tentera Iraq.

Satu serangan berlaku sebelum subuh ketika dua roket dibedil dari kejiranan al-Jihad di barat daya Baghdad dan mendarat di kawasan al-Jadriyah berhampiran Zon Hijau, tanpa menyebabkan korban kematian, kata pejabat media Pengarah Operasi Bersama dalam satu kenyataan.

Salah satu roket mendarat berhampiran sebuah restoran di belakang Hotel Babylon manakala yang lain mendarat berdekatan pejabat Iraqi Airways di Jadriyah, membakar sebuah kereta awam, kata kenyataan itu.

Sebelumnya, serangan lain berlaku selepas tengah malam ketika dua roket Katyusha mendarat berhampiran lapangan terbang antarabangsa Baghdad di barat daya ibu negara tanpa menyebabkan korban jiwa, kata sumber polis kepada Xinhua yang tidak mahu namanya disiarkan.

Siren kedengaran di Kem Victory, yang menempatkan tentera Amerika Syarikat (AS), kata sumber itu.

Setakat ini tiada kumpulan yang mengaku bertanggungjawab atas serangan berkenaan, tetapi lapangan terbang Baghdad dan pangkalan tentera Iraq yang menempatkan tentera AS di seluruh Iraq, serta kedutaan AS di Zon Hijau, sering menjadi sasaran bedilan mortar dan roket.

Menurut laporan media, Setiausaha Negara AS Mike Pompeo sebelumnya memberi amaran kepada Iraq bahawa Amerika Syarikat akan menutup kedutaannya di Baghdad jika pemerintah Iraq tidak mengambil langkah untuk menghentikan serangan roket.

Amaran Pompeo mendorong pemimpin Iraq menyeru AS untuk mempertimbangkan kembali keputusan menutup kedutaannya di Baghdad dan berjanji untuk kawalan senjata dan melindungi misi diplomatik di negara itu.

Tentera AS telah dikerahkan di Iraq untuk menyokong pasukan Iraq dalam pertempuran melawan militan Daesh, terutama memberikan latihan dan menasihati pasukan Iraq. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# Tentera Armenia serang Ganja, bandar kedua terbesar di Azerbaijan

**GANJA** (Azerbaijan), 5 Okt. - Azerbaijan pada Ahad mendakwa tentera Armenia melancarkan serangan di bandar raya kedua terbesarnya di Ganja, sekali gus meningkatkan konflik yang mula tercetus minggu lalu, lapor Agensi Anadolu.

Dalam satu kenyataan, Kementerian Pertahanan Azerbaijan berkata tentera Armenia melancarkan serangan roket di wilayah Fizuli dan di wilayah Aghdam dan Terter.

Pihak musuh turut menyerang kota Ganja, katanya. Ganja kota Azerbaijan kedua terbesar didiami lebih 500,000 orang penduduk. Menteri Pertahanan Zakir Hasanov berkata tindakan itu "provokatif dan meningkatkan lagi permusuhan."

Pertembungan sempadan berlaku pada Ahad apabila tentera Armenia menyasarkan penempatan orang awam dan kedudukan tentera Azerbaijan, yang mengakibatkan korban.

Hubungan antara dua bekas republik Soviet itu tegang sejak 1991, ketika tentera Armenia menduduki Karabakh, sebuah wilayah Azerbaijan yang diakui di peringkat antarabangsa. Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta pelbagai pertubuhan antarabangsa, menuntut pengunduran tentera.

Kumpulan Minsk OSCE yang dipengerusikan bersama Perancis, Rusia dan Amerika Syarikat dibentuk pada 1992 untuk mencari jalan penyelesaian konflik secara damai, tidak berhasil. Namun, gencatan senjata disepakati pada 1994. - ©BERNAMA

# Pembelian dalam talian Korea Selatan meningkat 27.5 peratus pada Ogos

**SEJONG**, 5 Okt. - Pembelian dalam talian melonjak 27.5 peratus dari tahun sebelumnya pada Ogos, ditunjukkan oleh data pada Isnin, apabila pandemik COVID-19 mendorong lebih ramai pengguna membeli barangan keperluan melalui platform e-dagang, lapor agensi berita Yonhap.

Nilai urus niaga dalam talian mencapai paras tertinggi 14.38 trilion won (US$12.29 bilion) pada bulan itu, naik 3.1 trilion won pada bulan yang sama tahun lalu, menurut data dari Statistik Korea.

Peningkatan mendadak pada Ogos disebabkan oleh pandemik yang memaksa orang ramai untuk menggunakan kedai dalam talian.

Pandemik COVID-19, dengan kes pertama yang disahkan di Korea Selatan pada akhir Januari, telah memaksa ramai penduduk Korea Selatan tinggal dan bekerja dari rumah, menyebabkan mereka terpaksa berbelanja bukan di kedai. Penjualan barang keperluan dalam talian, termasuk pembersih dan pencuci, meningkat 59.3 peratus tahun ke tahun pada Ogos.

Sebaliknya pembelian dalam talian untuk aktiviti luar talian, turun mendadak, dengan pembelian untuk acara kebudayaan dan program pelancongan merosot 56.7 peratus pada tahun ke tahun. Pembelian yang dilakukan melalui telefon pintar, tablet dan peranti mudah alih lain melonjak 27.8 peratus tahun ke tahun kepada 9.32 trilion won pada Ogos, menjadikannya 64.8 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan dalam talian. - ©BERNAMA

# Maduro harap Trump segera sembuh dari COVID-19

**MOSCOW**, 5 Okt. - Presiden Venezuela Nicolas Maduro berharap Presiden Donald Trump pulih dari COVID-19, di sebalik hubungan kurang baik antara kedua-dua negara, lapor agensi berita Sputnik.

"Kami tidak mahu ada orang yang dijangkiti, dan menyatakan solidariti kemanusiaan dengan Presiden Amerika Syarikat (AS), yang merupakan musuh Venezuela, tetapi kami ingin beliau sembuh," kata Maduro pada Ahad, dalam taklimat kesihatan yang disiarkan di Twitter.

Trump tiba di Pusat Perubatan Tentera Walter Reed di Maryland pada Jumaat, selepas mengumumkan di Twitter beliau dan isterinya Melania dijangkiti COVID-19.

Dr. Brian Garibaldi dari Johns Hopkins University, yang bertanggungjawab terhadap terapi presiden, pada Ahad berkata Trump menunjukkan reaksi positif terhadap rawatan antivirus remdesivir dan mungkin dibenarkan kembali ke Rumah Putih sekurang-kurangnya pada Isnin.

AS berulang kali mengenakan sekatan terhadap Venezuela disebabkan hubungan yang merosot antara Washington dan pentadbiran Presiden Maduro.

Pada Januari 2019, Venezuela mengalami krisis politik apabila ketua Parlimen Nasional yang dikuasai pembangkang ketika itu, Juan Guaido, mengisytiharkan dirinya sebagai presiden sementara dalam usaha menggulingkan Presiden Maduro. AS dan kebanyakan negara Barat menyokong Guaido, sementara Rusia, China, Turki dan negara-negara lain menyokong Maduro.

Maduro pada Ahad menyatakan anaknya Nicolas Ernesto Maduro Guerra dan adiknya Maria Teresa Maduro, serta presiden sendiri, akan mendapatkan vaksin COVID-19 Rusia. Kumpulan pertama vaksin Sputnik V dihantar ke Venezuela pada Jumaat. - ©BERNAMA

# Hotel di AS kehilangan 5 juta pekerjaan sejak Februari

**NEW YORK**, 5 Okt. - Industri perhotelan di Amerika Syarikat (AS) menyaksikan kehilangan lima juta pekerjaan sejak Februari, kesan daripada COVID-19 yang turut meragut hampir 210,000 nyawa di negara ini, lapor agensi berita Xinhua, memetik statistik terkini.

Kadar penginapan bilik hotel pada Ogos di AS adalah 48.6 peratus, turun 31.7 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu, dan kadarnya terus menurun kepada 48.5 peratus pada minggu kedua September, kata STR, badan swasta yang menyediakan penanda aras data, analisis dan pandangan pasaran untuk sektor hospitaliti global.

Sementara itu, menurut Pertubuhan Hotel Mewah Antarabangsa (ALHI), hanya 38 peratus orang di AS yang bercadang untuk bercuti pada 2020, berbanding 70 peratus pada tahun lalu.

Kira-kira tiga per empat buah hotel di Amerika sedia untuk memberhentikan lebih banyak kakitangan semasa pandemik, sekiranya tiada sebarang bantuan lagi daripada pemerintah dalam waktu terdekat, kata ALHI.

Sesuai dengan kadar penginapan dan tahap pendapatan saat ini, dua pertiga hotel di AS hanya mampu bertahan selama enam bulan beroperasi tanpa bantuan baharu dari kerajaan, tambahnya.

Pangkalan data banci STR untuk tahun berakhir 2015 menunjukkan kira-kira lima juta bilik hotel di lebih daripada 52,000 hartanah di AS. - ©BERNAMA

# Iran harap hubungan dengan Kuwait terus kukuh

**TEHRAN**, 5 Okt. - Presiden Iran Hassan Rouhani dalam ucapan tahniahnya kepada Emir Kuwait yang baharu Nawaf Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, menyuarakan harapan kedua-dua negara akan terus mengukuhkan hubungan persahabatan yang terjalin selama ini.

Presiden Rouhani juga berharap kedua-dua negara akan menyaksikan kestabilan dan keamanan yang semakin kukuh di rantau ini, lapor agensi berita IRNA.

Emir baharu itu menggantikan Sheikh Sabah Al-Ahmad As-Sabah yang meninggal dunia pada usia 91 tahun di Amerika Syarikat.

Terdahulu, presiden Iran dalam perutusan takziahnya turut bersedih dengan pemergian Sheikh Sabah Al-Ahmad As-Sabah. - ©BERNAMA

# COVID-19 : Bahrain tangguh sementara perjalanan babitkan destinasi berisiko

**MANAMA**, 5 Okt. - Kerajaan Bahrain memutuskan untuk menangguhkan sementara perjalanan ke destinasi yang boleh menjejaskan usaha negara membendung penularan COVID-19.

Setiausaha Rendah untuk Hal Ehwal Penerbangan Awam di Kementerian Telekomunikasi Mohammed Thamer Al-Kaabi berkata penangguhan sementara itu disyorkan Pasukan Petugas Nasional untuk Memerangi COVID-19 demi melindungi kesihatan dan keselamatan rakyat, lapor agensi berita Bahrain (BNA). - ©BERNAMA

# Aktiviti nelayan haram China meningkat di perairan Korea Selatan

**HONGSEONG**, 5 Okt. - Aktiviti menangkap ikan secara haram dilakukan bot China di perairan Korea Selatan semakin berleluasa, dengan kes dilaporkan meningkat dua kali ganda dari 2017 hingga 2019.

Ahli parlimen Hong Moon-pyo pada Isnin berkata jumlah kes bot ditahan atau diusir mencecah 6,543 pada 2019.

Jumlah itu menunjukkan kenaikan 113 peratus berbanding 3,074 pada 2017, lapor agensi berita Yonhap. Beliau memetik data Kementerian Laut dan Perikanan dan Pengawal Pantai Korea.

Pada 2020, sebanyak 4,603 kes dilaporkan dalam tempoh Januari-Ogos.

Beliau menyifatkan langkah-langkah pencegahan oleh pihak berkuasa maritim Korea Selatan semakin lemah.

Walaupun jumlah kapal China yang ditahan pada 2017 menurun dari 278 hingga 195 pada 2019 namun, kes bot diusir tanpa penalti meningkat mendadak dari 2,796 kepada 6,348. Hanya lima kapal yang ditahan dari Januari hingga Ogos tahun ini.

"Dengan menahan dan mengenakan denda terhadap kapal nelayan haram, kerajaan boleh membasmi penangkapan ikan secara haram. Tetapi pemerintah kemungkinan akan berdepan tindak balas dari China," kata Hong.

Anggota parlimen pembangkang itu menuntut pihak berkuasa mengambil langkah tegas terhadap kegiatan penangkapan ikan secara haram yang mengancam kehidupan pekerja industri perikanan tempatan. - ©BERNAMA

Pelita Brunei

# Sukan

## INFO SUKAN

LAWAN pedang merupakan seni bela diri yang menggunakan senjata. Sukan ini berkembang menjadi seni budaya yang sangat digemari oleh semua peringkat umur.

Pemain dimestikan berpakaian lengkap berwarna putih seperti pelindung muka, sarung tangan, baju jaket yang dibuat dari bahan yang kuat, manakala untuk pemain sabre, baju pemain diperbuat daripada logam.

ePaper Pelita Brunei



**PRESIDEN Kongres Tenpin Boling Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Badee' bin Pengiran Kerma Raja Pengiran Haji Kamarulzaman semasa bergambar ramai pada muzakarah berkenaan.**

# Muzakarah pengambilan pelajar baharu Sekolah Sukan

**Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Sukan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Oktober. - Sekolah Sukan pagi tadi mengadakan Majlis Muzakarah di antara Sekolah Sukan bersama Persekutuan dan Persatuan Sukan Brunei Darussalam yang berlangsung di Lecture Theatre, sekolah berkenaan.

Majlis yang diadakan itu antara lain membincangkan mengenai proses pengambilan pelajar baharu untuk Sekolah Sukan pada tarikh-tarikh yang ditetapkan.

Turut dibincangkan kepada Persatuan-persatuan Sukan Brunei Darussalam adalah cara untuk membarigakan maklumat mengenai pengambilan dan merekrut pemain untuk memasuki ke Sekolah Sukan dan bagaimana sekolah tersebut dapat menyediakan ruang dan juga peluang khususnya kepada persatuan sukan di negara ini sebagai jalan untuk menjadi atlet Negara Brunei Darussalam (NBD).

Terdahulu, taklimat disampaikan oleh Guru Kanan Sukan I, Sekolah Sukan, Awang Aminuddin bin Jumat mengenai pengambilan pelajar baharu Sekolah Sukan bagi tahun 2021.

Antara yang hadir, Presiden Kongres Tenpin Boling Negara Brunei Darussalam (Negara Brunei Darussalam Tenpin Bowling Congress - NBDTBC), Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Badee' bin Pengiran Kerma Raja Pengiran Haji Kamarulzaman; Pengetua Sekolah Sukan, Matthew Letham; Timbalan Pengetua Sekolah Sukan; Jurulatih-jurulatih Sekolah Sukan dan Ahli-ahli Persatuan Sukan Bola Jaring, Karate, Silat, Sepak Takraw, Olahraga dan Wushu di negara ini.

# PESTABARU bincang kejohanan bagi tahun 2020



**PERSATUAN Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam (PESTABARU) semasa mengadakan Mesyuarat PESTABARU, yang diadakan di Bilik Juri, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Oktober. - Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam (PESTABARU) mengadakan Mesyuarat PESTABARU, yang berlangsung di Bilik Juri, Stadium Negara Hassanal Bolkiah baru-baru ini.

Hadir mempengerusikan mesyuarat tersebut, Yang Di-Pertua PESTABARU, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas.

Mesyuarat, antara lain membincangkan mengenai kejohanan sepak takraw yang akan dianjurkan bagi tahun 2020.

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan kejohanan-kejohanan yang dirancang, yang akan diadakan di dalam dan luar negara juga anggaran peruntukan bagi kejohanan-kejohanan tersebut.

PESTABARU ditubuhkan pada 1 September 1970 dan melakar beberapa pencapaian juga kejayaan, antaranya Sukan Asia 1998 di Thailand dengan meraih pingat gangsa; Sukan SEA 1999 meraih pingat gangsa di Negara Brunei Darussalam; Sukan SEA di Myanmar pada tahun 2013 meraih pingat gangsa; dan meraih pingat gangsa di Sukan SEA Singapura 2015.

Sementara Sukan Takraw Pantai di Republik Indonesia meraih pingat gangsa 2008; dan pada tahun 2010 meraih pingat gangsa di Oman, manakala pada tahun 2014 meraih pingat emas di Phuket, Thailand.

Antara yang hadir, Penolong Setiausaha Agong, Awang Haji Mokti bin Haji Abdul Ghani; Setiausaha Agong Pertandingan, Awang Haji Zaman bin Haji Samat; Bendahari Agong, Awang Haji Yusof bin Haji Tuah; PSU, Awang Ramlan bin Haji Md. Said; wakil-wakil daerah, dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takbir PESTABARU.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

**TELADANI, IKUTI ETIKA RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM DALAM BERIBADAH**

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam